

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 107 ● 19 - 25 MAC 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

DBKL pelopor  
usaha bersama  
Alumni Rakan  
Muda  
=>4



Orkestra DBKL  
ekspresi seni  
irama Malaysia

>> 9, 10 & 11



Kari kepala  
ikan sedap  
dan murah,  
tarikan utama  
D'Warees  
Resepi >> 15

## Inisiatif KWP bantu anak muda Berniaga dan berjaya

PERNAH mencari dan menjual tin semata-mata untuk mendapatkan duit belanja di samping membantu menambah kewangan keluarga, membuatkan Khairul Azman A Karim berusaha untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Demi mencapai hasratnya itu, dia menyertai Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota (PUAMK) yang diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) pada tahun lalu.

Katanya, program yang dianjurkan itu juga sejajar dengan minat dan matlamat yang digarapnya sejak kecil iaitu mahu berniaga.

Malah, dia mengabadikan diri selama tujuh tahun bagi menimba pengalaman berniaga di Cheese U Bistro & Dessert yang berpangkalan di Johor Bahru, Johor sebelum berhijrah ke Wilayah Persekutuan pada 2019.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

Imbas kod  
QR untuk  
menyaksikan  
video  
berkaitan.



KHAIRULAZMAN

## Banjir kilat Jalan Sultan Abdul Halim berakhir hujung tahun ini

KEJADIAN banjir kilat yang sering terjadi di sekitar Jalan Sultan Abdul Halim (Jalan Duta), Kuala Lumpur bakal berakhir apabila projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan siap sepenuhnya menjelang hujung tahun ini.

Ini kerana, kata Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, projek tebatan banjir yang dilaksanakan di kawasan Taman Botani Perdana itu sudah mencapai

tahap kemajuan 60 peratus siap. Jelasnya, projek tersebut dilaksanakan secara mesra alam di mana sebuah kolam tadahan air banjir dibina di bawah tanah. "Di atas permukaan kolam tersebut

akan dibangunkan taman permainan kanak-kanak dan dihiasi dengan landskap yang menarik sekali gus menambahkan tarikan kepada orang ramai," katanya.

LAGI BERITA DI MUKA 2

Wujud landskap rekreasi, akses orang ramai dari KL Sentral

# Tiga projek di Taman Botani Perdana

AZLAN ZAMBRY

**K**E MENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memfokuskan kepada tiga pembangunan di sekitar Taman Botani Perdana bagi memudahkan warga kota berkunjung dan beriadah di kawasan tersebut.

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, antara projek yang dalam perancangan DBKL adalah untuk menaiktaraf kawasan Stesen Sentral Kuala Lumpur (KL Sentral) dan laluan khusus dari kawasan tersebut ke Taman Botani Perdana.

"KL Sentral dipilih kerana ia adalah hub pengangkutan dan mempunyai jaringan pengangkutan awam yang baik untuk warga kota dan selain kedudukannya ber-



ANNUAR (dua dari kiri) membuat walkabout di sekitar Taman Botani Perdana untuk melihat keadaan di sekitar kawasan itu pada Ahad.

hampiran Taman Botani Perdana.

"Populasi di kawasan KL Sentral agak besar dan mempunyai kawasan perumahan yang sedia ada

serta beberapa projek perumahan yang masih dalam pembinaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas Program Walkabout

di sekitar Taman Botani Perdana pada Ahad.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Pengarah Eksekutif

Perancangan DBKL, Datuk Sulaiman Mohamed dan Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi, Anwar Mohd Zain.

Beliau berkata, cadangan menaiktaraf KL Sentral dan laluan akses ke Taman Botani Perdana dibuat setelah melihat gaya hidup warga kota yang menjadikan taman itu sebagai kawasan riadah.

"Warga kota yang berada berhampiran boleh menggunakan pengangkutan awam untuk ke KL Sentral. Mereka akan turun di KL Sentral dan berjalan melalui laluan masuk ke kawasan itu.

"Penduduk dan komuniti di situ juga boleh mengakses taman sama-sama secara berbasikal atau berjalan kaki. Di samping itu,

kemudahan untuk golongan orang kelainan upaya (OKU) akan disediakan bagi memudahkan mereka masuki kawasan taman tanpa menggunakan kenderaan persendirian," katanya.

Annuar memberitahu, pihaknya telah memperuntukkan sebuah kawasan berhampiran Jalan Cenderasari untuk dibangunkan sebuah Bandar Taman.

"Lebih terperinci, pembangunan itu akan berlaku di sepanjang laluan keretapi dan ia terletak di belakang Masjid Negara.

"Pembangunan itu akan melengkapi dengan apa yang ada di Taman Botani Perdana bahkan ia lebih cantik melalui perancangan yang terperinci," katanya. WK

Imbas kod QR untuk tonton berita berkaitan



## Kualiti air di Tasik Perdana akan dipertingkatkan kepada kelas dua

DARI MUKA DEPAN

**PROJEK** tebatan banjir yang dilaksanakan di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur bagi mengawal dan mengurangkan risiko banjir kilat di sekitar Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta) sudah berstatus 60 peratus siap.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, projek yang dibina sekitar 2018 itu sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap hujung tahun ini.

"Saya juga ada minta pemaju buat kajian supaya sistem (tebatan banjir) yang digunakan dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan kualiti (saliran) air tasik khususnya di Taman Botani Perdana," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas membuat lawatan di taman awam itu pada Ahad.

Menurut Annuar, projek melibatkan kolam tadahan bawah tanah itu juga bakal dilengkapi dengan landskap yang berfungsi sebagai kawasan rekreasi di samping membangunkan 'Garden City' di kawasan sekitar Jalan Cenderasari.

Mengulas tentang masalah kualiti air di Taman Tasik Perdana pula, ujar Annuar, ia akan ditangani pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekali gus bakal menjadi tarikan baharu di Taman Botani Perdana.

"Kita akan memohon kepada



ANNUAR (tengah) melihat keadaan air di Tasik Perdana yang perlu dirawat agar menjadi tarikan kepada warga kota.

karan syarikat perunding kejuruteraan awam yang terlibat dalam projek tebatan banjir di Taman Botani Perdana untuk melaksanakan kajian lanjut bagi menaiktaraf kualiti air di Tasik Perdana.

"Tasik Perdana ini adalah tasik mati kerana sungai mengalir di bawahnya dan aliran air sungai pada waktu hujan akan kekal sebelum mengalir ke Sungai Beras Peras. Ia kemudian memintas kawasan Taman Tasik Perdana di bawah tanah.

"Tiada kesan pembilasan (flashing effect) di Taman Tasik Perdana dan ia mengakibatkan air yang tidak berkualiti mengalir ke dalam tasik sehingga tumbuh alga yang menyebabkan warna air berubah menjadi kehijauan," jelasnya.

Sehubungan itu, katanya, kajian mendalam diperlukan supaya air dari kolam tadahan itu boleh dialirkkan keluar sekali gus dapat merawat kualiti air tasik sehingga kualitinya boleh ditingkatkan kepada kelas dua. WK

## Peniaga Jalan TAR harap bazar kembali ke lokasi lama

**PERSATUAN** Peniaga dan Penjaja Pasar Malam Lorong Tuanku Abdul Rahman berhampiran Chow Kit, Kuala Lumpur berharap hak penganjuran bazar Ramadan pada tahun ini diserahkan kembali kepada organisasi mereka.

Malah, kumpulan itu juga mahu lokasi ditukarkan semula ke kawasan lama di Lorong Tuanku Abdul Rahman.

Pengerusiinya, Azkhalim Suradi berkata, ahlinya mengharapkan khabar gembira berkenaan perkara itu berikutan keadaan ekonomi yang perlahan dan menjelaskan perniagaan mereka sebelum ini.

"Dua tahun lalu, bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri diadakan di Jalan Raja berhampiran Bangunan Sultan Abdul Samad. Meskipun kawasan tersebut luas tetapi perniagaan agak perlahan terutama pada waktu siang.

"Oleh yang demikian, kami berharap pihak Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa dapat mempertimbangkan permohonan untuk kebaikan peniaga," katanya kepada Wilayahku.

Hadir sama, Datuk Bandar

Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi DBKL, Anwar Mohd Zain.

Kata Azkhalim, sebagai persiapan, pihaknya bersedia untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta mengamalkan penjarakan antara tapak-tapak niaga yang ada.

"Tapak sedia ada adalah 550 lot, apabila pematuhan SOP dilakukan ia akan menjadi 270 lot.

"Pengurangan ini sememangnya agak tinggi tetapi perserta bazar akan dipilih daripada peniaga yang terpilih untuk berniaga pada tahun 2020," katanya yang akan menambah petugas bagi memastikan pematuhan SOP dititik berat oleh pengunjung dan peniaga.

Dalam perkembangan sama, Annuar menyatakan komitmen untuk memperhalusi permintaan peniaga.

"SOP mudah dilaksanakan sekiranya mereka kekal berniaga di Jalan Raja.

"Tetapi saya juga mengetahui di kawasan tersebut, aktiviti perniagaan tidak berapa bagus dan banyak keluhan. Peniaga juga mahu kembali ke Jalan Tuanku Abdul Rahman," katanya. WK



AZKHALIM

Putrajaya bukan sekadar pusat pentadbiran

# Bakal jadi bandar rekreatif bertaraf dunia

AZLAN ZAMBRY

**U**SAHA berterusan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam mempelbagaikan karektor Putrajaya akan meningkatkan lagi bandar itu sebagai penempatan yang berdaya huni dan mampam.

Bagi tujuan tersebut, Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, konsep bandar rekreatif bertaraf antarabangsa bakal diperkenalkan sekali gus membolehkan fungsi bandar dipelbagaikan tanpa mengecualikan karektornya sebagai Bandar Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Annur berkata, bagi mencapai matlamat tersebut, pihaknya akan membuat semakan semula peranan PPj bagi menyesuaikannya dengan keadaan semasa demi meningkatkan imej Putrajaya.

"Semakan dibuat agar ia tidak sekadar mengekalkan apa yang ada. Pada masa sama, PPj perlu merancang ke hadapan terutama berkaitan elemen komersial.

"Kita juga tidak mahu Putrajaya menjadi seperti bandaraya yang lain yang sibuk, papan tanda iklan di mana-mana seperti bandaraya komersial yang lain," katanya.

Annur memberitahu, pihaknya melihat skop pelancongan dan rekreasi sebagai acara paling sesuai dalam usaha menjadikan Putrajaya sebagai satu-satunya bandar rekreatif dalam negara.

"Setakat ini tiada satupun bandaraya di negara ini yang dilihat sebagai bandar rekreatif dan ia memerlukan perancangan yang rapi

katanya dalam sidang media selepas Sesi Walkabout di Anjung Floria Putrajaya pada Sabtu.

Hadir sama, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain dan Anggota Pentadbiran PPj, Datuk Tun Faisal Ismail Aziz.

Menurut Annur, bagi mencapai matlamat tersebut, pihaknya akan membuat semakan semula peranan PPj bagi menyesuaikannya dengan keadaan semasa demi meningkatkan imej Putrajaya.

"Semakan dibuat agar ia tidak sekadar mengekalkan apa yang ada. Pada masa sama, PPj perlu merancang ke hadapan terutama berkaitan elemen komersial.

"Kita juga tidak mahu Putrajaya menjadi seperti bandaraya yang lain yang sibuk, papan tanda iklan di mana-mana seperti bandaraya komersial yang lain," katanya.

Annur memberitahu, pihaknya melihat skop pelancongan dan rekreasi sebagai acara paling sesuai dalam usaha menjadikan Putrajaya sebagai satu-satunya bandar rekreatif dalam negara.

"Setakat ini tiada satupun bandaraya di negara ini yang dilihat sebagai bandar rekreatif dan ia memerlukan perancangan yang rapi



ANNUAR (kiri) dan Muhammad Azmi sedang meneliti pelan cadangan pembangunan Pusat Floria Putrajaya yang akan menjadi Pusat Rekreasi Setempat Pit-Stop.

Imbas kod QR untuk tonton berita berkaitan



untuk menjadi bandar ria-dah bertaraf antarabangsa.

"Kita akan mempertimbangkan untuk membuka sebuah padang golf atau mini safari bertaraf antarabangsa bagi melengkapkan misinya menjadi bandar rekreatif.

Kita juga ada kemudahan untuk sukan berbasikal, sukan menembak, sukan rekreasi berkuda dan beberapa lagi aktiviti berkaitan dengan sukan lasak dan ia boleh dipakejkan untuk menjadikannya sebagai bandar rekreatif.

di produk pelancongan baharu," katanya.

Annur berkata, Anjung Floria di Presint 4 yang dahulunya merupakan tapak bagi pengajuran Festival Bunga dan Taman Antarabangsa (FLORIA) Diraja Putrajaya akan dihidupkan semula menjadi pusat aktiviti setempat rekreatif yang akan dikenakan sebagai Pit-Stop@ Anjung Floria.

"Ia akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang lengkap termasuk tapak ekspos, tapak jualan, nurseri pokok, kampung beza,

sewaan basikal, kayak, kawalan jauh, cruise, bot dan pantai berpasir. Usaha ini dapat menyokong ke arah pemantapan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan serta bandar rekreasi," katanya.

Tambahnya, kerjasama antara kerajaan negeri dan kedutaan asing dengan PPj membolehkan binaan replika yang membawa imej negara dan negeri tertentu selain membawa taman-taman mini yang membawaikan imej negara tersebut.

Beliau berkata, banyak sektor swasta takut untuk melabur di Purajaya kerana banyak syarat dan peraturan yang ditetapkan.

"Mereka beranggapan terlalu banyak 'don't' daripada 'do'. Sedangkan jika mereka datang ke sini, mereka akan dapat banyak yang boleh dilakukan, cuma kita kena berikan isyarat yang betul kepada mereka.

"Banyak infrastruktur berkualiti tinggi telah dibangunkan, kita cuma perlu pelaburan daripada pihak swasta serta memberikan idea untuk dikembangkan bersama," katanya.

Terdahulu dalam majlis tersebut, Annur turut menanam pokok kayu raja sempena Kempen Menanam Satu Juta Pokok di Wilayah Persekutuan di peringkat Putrajaya yang merupakan salah satu program Cakna Kehijauan di bawah Inisiatif Wilayah Cakna. **WK**

## Azman berjaya ubah kehidupan keluarga melalui Program Usahawan Muda Kota

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

**HIDUP** dalam kesusaahan sejak kecil mendorong salah seorang peserta Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota (PUAMK), **Khairul Azman A Karim** berhijrah ke Ibu kota untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih menjamin masa hadapannya.

Usaha kerasnya itu berjaya apabila dia ditawarkan peluang berniaga di salah satu kios milik Perbadanan Putrajaya (PPj) menerusi program keusahawanan yang disertai November 2020.

Kata anak muda berusia 30 tahun itu, dia sangat teruja dan gembira apabila dihubungi pihak PPj yang memaklumkan kelulusan permohonan itu.

Bercerita tentang permulaan perniagaan, kata anak keempat daripada lima beradik itu, ia didorong oleh niatnya untuk mengubah



KHAIRUL AZMAN melayani Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang memberi sokongan moral kepada beliau ketika membuat tinjauan di kios Cheese U Bistro, Presint 2, Putrajaya pada Sabtu.

kehidupan keluarga yang hidup dalam kemiskinan.

"Pendapatan ayah tidak tetap, kalau musim tengkujuh memang langsung tiada pendapatan. Saya pernah ikut dan kami semua hampir tenggelam kerana ombak bergelora kuat."

"Kalau ada ikan boleh dapat antara RM40 hingga RM50 sehari. Sebab itu,

saya nekad untuk sambung pengajian lepas SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) kerana mahu bantu keluarga," katanya.

Menurutnya, dalam kalangan adik beradik, hanya dia yang berkelulusan tinggi manakala ketiga-tiga abangnya masih meneruskan kerja sebagai nelayan di Kota Tinggi, Johor.

Justeru, katanya, dia

berusaha untuk membantu keluarga dan membala jasa abang sulung yang banyak mengeluarkan duit semasa dia menyambung pengajian di peringkat Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan.

Khairul Azman juga menyatakan, dia pernah mencari dan menjual tin kosong semasa zaman persekolahannya demi mengumpul duit untuk belanja serta mengurangkan beban kewangan ayah yang hanya bekerja sebagai nelayan.

"Sejak itu, saya timbul minat untuk buka kedai dan Alhamdulillah, ia termakbul sekarang."

"Sebelum ini saya bekerja di Cheese U Bistro selama tujuh tahun."

"Dari pelayan sehingga jadi pengurus dan sekarang saya beli cawangannya dan buka di Putrajaya menerusi PUAMK," ceritanya. "Jika apabila ayahnya tidak berpeluang melihat kejayaan yang diperoleh. **WK**

## 319 lot niaga di Putrajaya untuk usahawan muda

**PELBAGAI** produk cakna rakyat diwujudkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi membantu warganya terutama golongan belia yang terjejas pendapatan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak COVID-19.

Antara produk terkini yang diwujudkan untuk memberi manfaat adalah Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota (PUAMK) Wilayah Persekutuan yang dibangunkan di bawah Cakna Keusahawanan.

Menterinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, sejak diumumkan pada Julai 2020, program PUAMK Putrajaya menerima sambutan yang sangat memberangsangkan bukan sahaja daripada penduduk setempat tetapi dari kawasan sahampiran.

"Keutamaan diberikan kepada warga Putrajaya khususnya golongan belia yang berusia 18 hingga 35 tahun dan mereka yang hilang pekerjaan serta terjejas aktiviti perniagaan akibat kesan pandemik COVID-19."

"Sehingga 11 Mac, sebanyak 319 lot niaga Usahawan Anak Muda Kota ditawarkan di Wilayah Persekutuan yang mana 64 daripadanya adalah bagi UMK Putrajaya menerima lot niaga di bawah Perbadanan Putrajaya (PPj)," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Annur, bagi pelaksanaan PUAMK Putrajaya, sasarannya sebanyak 118 lot niaga secara keseluruhan disediakan kepada anak-anak belia Putrajaya yang telah bermula November 2020.

Mengulas lanjut, katanya, bagi mengurangkan masalah bebanan sewaan lot niaga akibat kekurangan pelanggan dalam tempoh PKP, PPj membuat pengecualian atau pengurangan sewaan sehingga 50 peratus bagi tempoh tiga hingga enam bulan bergantung kepada jenis premis perniagaan serta kadar sewaan. **WK**

# DBKL pelopori usaha bersama Alumni Rakan Muda

AFIFAH AFIZAL

**P**EMERKASAAN aktiviti, pembangunan ekonomi serta sahsiah amat dititikberatkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Alumni Rakan Muda Malaysia terutamanya ketika negara sedang menghadapi pandemik COVID-19 yang telah menjaskan ramai orang.

Majlis Alumni Rakan Muda Malaysia menunjukkan tanda komitednya dengan berkolaborasi bersama DBKL untuk mencapai matlamat tersebut demi kesejahteraan para penduduk khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebuah perjumpaan telah dilaksanakan baru-baru ini ke Pejabat Datuk Bandar DBKL, Datuk Seri Mahadi Che Ngah di Menara DBKL yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Asmori Hj. Saari.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Wan Ahmad Fayhsal turut hadir bersama membincangkan dan mengetahahkan agenda belia.

Antara keutamaan yang disentuh Asmori adalah penerangan tentang inisiatif dan galakan keusahawanan di kalangan belia bandar,



**PRESIDEN Majlis Alumni Rakan Muda Malaysia, Falaq Faizal menyampaikan cenderahati kepada Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah di Menara DBKL.**

termasuklah memudahkan proses permohonan lesen perniagaan dan program pertanian bandar.

Beliau turut menyampaikan kerisauan para penduduk di beberapa perumahan awam yang telah beliau lawati.

“Sebilangan fasiliti termasuk kemudahan sukan di situ memerlukan selenggara dan penambahbaikan,” katanya kepada *Wilayahku*.

Presiden Majlis Alumni Rakan Muda Malaysia, Falaq Faizal Lakimon, ber-

kata pelbagai aktiviti dan perkara yang telah dipersejui melalui perbincangan akan dilaksanakan bersama DBKL dalam pembangunan sahsiah dan modal insan dari semasa ke semasa.

“Antara aktiviti yang akan dilaksanakan bersama adalah berkaitan program Senam Aktif Rakan Muda X DBKL yang akan dilaksanakan di Kawasan Perumahan Awam KBS, Presiden Majlis Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kebersamaan Ketua-ketua Jabatan DBKL.

“Walaupun negara be-

rada dalam fasa pemulihan PKPB, kami akan melaksanakan aktiviti senaman berkala mengikut SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara; iaitu seramai 250 orang (maksimum) – mengikut keluasan tempat, selain mematuhi penjarakkan fizikal dalam aktiviti rekreasi.

“Kami juga akan menggunakan Rakan Muda Sports Bubble Volunteer yang akan memainkan peranan sebagai pengawas acara di lapangan; sewaktu aktiviti berlangsung,” katanya.

Selain itu, beliau turut berharap agar pandemik COVID-19 akan segera berakhir dan masyarakat dapat menjalankan aktiviti seperti biasa.

“Aktiviti terancang yang telah disusun hasil kolaborasi bersama antara DBKL dan Rakan Muda di Kawasan Pentadbiran Pihak berkuasa Tempatan (PBT) DBKL diharap menjadi contoh dan pelopor di kalangan 150 PBT di Malaysia,” tambahnya lagi.

Turut bersama dalam kunjungan hormat, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Rakan Muda KBS, Presiden Majlis Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kebersamaan Ketua-ketua Jabatan DBKL.

WK

## CERITA KEDAI KOPI

### Bazar Ramadan kembali

BAZAR Ramadan dan bazar Aidilfitri akan kembali pada bulan puasa dan hari raya tahun ini. Pastinya ini berita menggembirakan para peniaga dan orang ramai. Tahun lalu bazar Ramadan yang menjadi ciri tahunan bulan puasa tidak diadakan di Kuala Lumpur kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Itulah kali pertama bazar penyeri Ramadan tidak ada.

Ketiadaannya amat dirasai oleh umat Islam kerana itulah tempat mereka membeli juadah sebagai persiapan berbuka puasa. Malah bazar Ramadan ini juga disukai oleh yang bukan beragama Islam. Mereka turut sama membeli pelbagai makanan setiap hari.

Kemunculan semula bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri memang dialu-alukan. Perkara ini disahkan oleh Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Sebelum itu Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa juga membayangkan bazar Ramadan akan kembali jika angka kes baharu COVID-19 terus menurun.

Sebaliknya pun kebenaran ini diberi, ia tetap tertakluk kepada pematuhan SOP ketat yang mesti dipatuhi oleh setiap peniaga dan pengunjung. Antaranya lokasi terbuka, penyediaan pintu laluan masuk dan keluar, MySejahtera dan kawalan pengunjung.

Wakti operasi pula dari pukul 3 petang hingga 8 malam bagi bazar Ramadhan dan dari pukul 10 pagi hingga 12 malam bagi bazar Aidilfitri.

Juga berita menggembirakan warga Wilayah Persekutuan, mereka dibenarkan solat tarawih berjemaah di masjid dan surau. Kebenaran ini juga adalah untuk seluruh negara. Inilah satu lagi keistimewaan Ramadan yang dapat dirasai semula tahun ini.

Dalam kegembiraan ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya teruslah patuh kepada SOP. Bantulah kerajaan mengekang penularan COVID-19 demi kebaikan bersama. Jangan sampai bazar Ramadan atau bazar Aidilfitri menjadi tempat merebaknya COVID-19.

### Lompat parti: PKR pening?

AGAKNYA Datuk Seri Anwar Ibrahim kini pening kepada kerana seorang demikian seorang wakil rakyat Parti Keadilan Rayat (PKR) meninggalkan parti itu dan memberi sokongan kepada kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Terbaru, Ahli Parlimen Kuala Langat yang juga Naib Presiden PKR, Datuk Dr. Xavier Jayakumar keluar PKR menjadi wakil rakyat bebas yang mesra PN.

Bekas menteri kerajaan Pakatan Harapan (PH) itu mengikuti jejak langkah Ahli Parlimen Julau, Sarawak, Larry Sng Wei dan Ahli Parlimen Tebrau, Steven Choong Shiao Yoon yang meninggalkan PKR beberapa hari sebelum itu.

Tentunya Anwar sebagai Presiden PKR kecewa dengan perkembangan ini. Tindakan beberapa wakil rakyat parti itu melompat menambah suram harapannya untuk mengambil alih kerajaan dan menjadi perdana menteri.

Cuma diharapkan lompat melompat ini biarlah kerana ikhlak untuk menguatkan kerajaan PN dan bukan kerana ada agenda tertentu. Ini kerana wujud tanggapan tindakan mereka adalah untuk menyelamatkan diri daripada diambil tindakan kerana kes-kes tertentu.

Wujud dakwaan kerajaan menggunakan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan polis untuk menekan mereka agar menyokong kerajaan bagi melakukannya tindakan diambil.

Diharap andaian ini tidak betul. Kita percaya kerajaan tidak sewenang-wenang menggunakan agensi-agensi tersebut bagi tujuan politik. Agensi-agensi tersebut diberi kebebasan penuh melaksanakan tanggung jawab masing-masing.

## Bayaran zakat tanggung jawab umat Islam

SYAHIDI BAKAR

**KADAR** bayaran zakat ditetapkan iaitu hanya 2.5 peratus daripada jumlah 100 peratus rezeki yang kita dapat daripada Allah itu dibelanjakan untuk berzakat sebagai satu kaedah membangunkan ekonomi Islam.

Pengerusi Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Datuk Seri Syed Ali Al-Habshee berkata, kadar zakat itu adalah berpatutan memandangkan lebihan 97.5 peratus pendapatan masih boleh dibelanjakan.

Beliau berkata kewajipan berzakat mensyaratkan setiap orang Islam yang mempunyai pendapatan atau harta melabih nisab (RM20,299) dan cukup haul wajib mengeluarkan 2.5 peratus daripadanya untuk tujuan berzakat.

“Apalah sangat 2.5 peratus daripada jumlah 100 peratus rezeki yang kita dapat daripada Allah itu dibelanjakan untuk berzakat sebagai satu kaedah membangunkan ekonomi Islam.

“Sebagai contoh, pendapatan tahunan RM30,000 didarab 2.5 peratus untuk zakat wajib dikeluarkan adalah RM750 setahun atau pun RM62.50 sahaja sebulan,” katanya.

Sementara itu, pelbagai kelebihan boleh didapati oleh mereka yang berzakat di PPZ-MAIWP, iaitu termasuk layak untuk mendapat pelepasan cukai pendapatan LHDN.

Menurut Syed Ali, masih ramai sebenarnya warga masyarakat tidak tahu mengenai kelebihan yang didapati dan amat merugikan jika dimanfaatkan.

Katanya, pelbagai kemudahan pemba-

yan zakat disedia PPZ-MAIWP untuk keselesaan pelanggan, termasuk bayaran melalui Skim Potongan Zakat Bulanan, yang ternyata lebih mudah dan cepat.

“Selain itu, satu lagi skim bagi kurangkan beban menunaikan zakat secara lump sum atau bayaran penuh sekalusigus.

“Pembayar zakat di PPZ-MAIWP dilindungi Skim Kafalah Muzaki atau khairat kematian disumbang kepada waris jika berlaku kes kematian terhadap pembayar zakat,” jelasnya.

Selain itu, PPZ-MAIWP juga punya Skim Wakalah yang menyediakan peluang bagi pembayar zakat agihkan sendiri kepada asnaf memerlukan. Bagi majikan yang memohon Skim Wakalah, ia boleh memanfaat wang zakat itu dengan menyalurkan kepada kakitangan yang memerlukan. WK

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@yayasanwp.org.my

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

#### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
winwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Wong Siew Mun  
wongsiew.mun@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer6@gmail.com

#### Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Mohd Fadly Bharudin  
fadlybharudin@gmail.com  
Taufik Mohd Pauze  
taufikwilayahku@gmail.com

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
nazirulwilayahku@gmail.com  
Mohd Aminullah Farid Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Azly Fariq Ramly  
azlyfariq@yahoo.com

#### PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
zuhairi@yayasanwp.org.my  
V Kumar Veeran  
veeran1010@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@yayasanwp.org.my  
Jumaitul Lailiy Zakiah Ismail  
jumaitul@yayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm886@gmail.com



# WE LOVE SHOPPING

RM1,000 VOUCHER

F&B VOUCHER



1 – 21 Mac 2021

## Cabutan Bertuah

3x Baucar Bernilai RM1,000 Untuk Dimenangi Setiap Minggu

Belanja RM100 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai F&B atau fesyen terpilih untuk peluang menerima Baucar Membeli-Belah Alamanda bernilai RM1,000.\*



\* Tertakluk kepada terma dan syarat. Sementara stok masih ada.  
Imej yang ditunjukkan hanya untuk tujuan ilustrasi.

Untuk informasi lanjut, kunjungi Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882

## Roda Ganjaran

Terima sekeping baucar F&B apabila anda berbelanja.\*

## Istimewa untuk Kakitangan Kerajaan

Terima kemasukan tambahan di dalam Cabutan Bertuah.\*



Sertai kami di [Facebook](#) [Instagram](#) [AlamandaShoppingCentre](#) [www.alamanda.com.my](#)

Sempena Sambutan Ulang Tahun APM Kali Ke-69 Tahun 2021

# APM komited berikan perkhidmatan terbaik demi kecemerlangan agensi

SYAHIDI BAKAR

**S**EJAK tahun 1952, tanggal 24 Mac merupakan tarikh signifikan yang menjadi penanda aras bagi memperingati ulang tahun penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang kininya telah menjengah usia 69 tahun kewujudannya.

Masa berlalu begitu pantas menyaksikan selama ini, pelbagai cabaran diharung APM dengan cekal bersandarkan komitmen tinggi ditunjuk anggota dan pegawai agensi

pengurusan bencana negara itu sehingga diperkuai sebagai entiti disegani dan diyakini keberkesanannya.

Sepanjang tempoh kewujudan APM bukan sahaja berusaha memberikan perkhidmatan pada tahap terbaik, malah giat merencana perananya secara holistik untuk mengangkat martabatnya sebagai antara barisan penting ketumbukan negara.

Wajar diakui bahawa kualiti perkhidmatan digalas APM berjaya meletakkannya sebaris dengan tugas pasukan keselamatan lain dan pencapaian diraih bukanlah suatu yang mudah malah

mengekalkan kecemerlangan khidmatnya kepada rakyat adalah sangat mencabar minda serta tenaga.

Dalam senario semasa peranan digalas APM kini makin getir terutamanya ketika negara diancam pandamik COVID-19. Selain kawal penularannya, APM pada masa sama perlu respond segera bagi kes kecemasan lain.

Segala cabaran dihadapi APM dengan gigih dan terbuka sehingga diibaratkan seperti alih bisa tegal biasa. Dengan genap usia matangnya, APM menanti debaran sambutan ulang tahun kali ini seadanya meskipun suasana sambutan berbeza.

Walaupun berbeza sambutan kali ini bertemakan "Pertahanan Awam Mapan, Menyelamat Ekonomi Negara" dijadualkan secara maya dan boleh turut ditonton oleh masyarakat di mana jua.

Pelbagai acara menarik telah direncanakan bagi serikan sambutan antaranya Pertandingan Tulis Puisi, melukis poster, video pendek dan animasi serta pameran wakil APM negeri dan agensi lain yang terlibat.

Acara kemuncak sambutan ulang tahun APM kali ke-69, dijadual disempurnakan Menteri DiJabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) Datuk Seri Mohd

Redzuan Yusof diiringi Ketua Pesuruhjaya APM, Datuk Roslan Wahab. Acara penutup yang paling gemilang adalah perasmian Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. **WK**



TAHAP kesiapsiagaan pasukan APM sentiasa diakui dan menjadi keutamaan dalam mengerakkan misi di kawasan terlibat bencana.



KEWUJUDAN APM kini menjengah usia 69 tahun seiring keupayaannya dalam menerajui misi pengurusan bencana.



## TELAH HILANG SEMUNYA

Telah hilang semua perjalanan yang panjang mengajar erti kehidupan zaman mengenalkan typewriter rakan sekerja berbilang bangsa mengajar tentang berbudi bahasa menyantuni tetamu yang muncul bertanya tentang cukai harta lesen niaga, gerai untuk disewa, mengadu sampah tak dipungut, parit tersumbat, banjir kilat, jalan tak berturap, lorong gelap menuntut kita melunaskan pertanyaan dan aduan

Telah hilang semua yang tinggal cuma ingatan kadang-kadang menjentik perasaan menerbitkan jernih airmata senyum dan ketawa dan aku harus melangkah melangsungkan kehidupan hari esok mendakap riuh rendah anak cucu

Telah hilang semua tak akan kembali meniti hari seperti aku yakin tentang semalam yang pergi tak kembali

Mohamed M.N  
20 Februari 2021

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE  
RM7,500



HALF PAGE  
RM5,500



QUARTER PAGE  
RM4,500



PANEL PAGE  
[INNER]  
RM4,500

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah,  
62100 Putrajaya.

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# Tiga cabaran Annuar setahun terajui KWP

MUNGKIN ada yang beranggapan menerajui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mudah kerana ia sebuah kementerian ‘kecil’. Ruang lingkup tanggung jawab hanya meliputi penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kerana bidang kuasa hanya meliputi tiga wilayah, dan jumlah penduduk yang lebih sedikit berbanding dengan kementerian yang bertanggung jawab kepada seluruh negara, tugas KWP dianggap tidak seberat kementerian lain. Tugas menterinya juga dianggap lebih mudah berbanding menteri lain.

Bagi Adi, jika ada yang beranggapan sedemikian, bererti mereka tidak dapat menyelami sukarnya mentadbir sebuah kementerian yang bertanggung jawab ke atas Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia; Putrajaya yang merupakan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan dan Labuan yang terkenal sebagai pusat kewangan pesisir pantai.

Inilah cabaran dihadapi oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, yang mungkin ramai tidak dapat menghayati dan memahami.

Setelah setahun menerajui KWP terbukti beliau mampu mengharungi cabaran mentadbir ketiga-tiga wilayah dengan baik demi kesejahteraan warganya.

Ambil contoh Kuala Lumpur, bandar raya yang sentiasa sibuk dan merupakan ‘ibu’ kepada banyak perkara. Di sinilah ibu negara, pusat kegiatan ekonomi, pusat sosio-budaya serta pusat tumpuan rakyat daripada seluruh negara datang mencari rezeki.

Pelbagai lapisan masyarakat menghuni bandar raya ini daripada golongan elit dan berada sehingga kepada golongan pertengahan, miskin bandar, setinggan dan gelandangan.

Kesemua golongan ini mempunyai pelbagai masalah dan memerlukan perhatian dan pembelaan. Adi faham bukan mudah untuk melayani mereka yang masing-masing berhadapan dengan masalah berlainan.

Inilah cabaran yang seringkali tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Namun ia cuba dihadapi dan diselesaikan dengan bersungguh-sungguh serta sebaik mungkin oleh Annuar sejak diberi tanggung jawab menerajui KWP.

Pada perhimpunan bulanan KWP dan agensi-agensi di bawahnya baru-baru ini, Annuar menggariskan tiga cabaran utama yang beliau hadapi sepanjang tempoh menjawat jawatan sejak setahun lalu.

**“ Jika ketiga-tiga cabaran utama ini dianggap ujian kepada Annuar dan anak buahnya dalam KWP serta agensi-agensi berkaitan, Adi lihat mereka dapat mengendalikannya dengan baik, khususnya dalam membantu golongan yang terkesan akibat COVID-19.”**

Pertama, memerangi pandemik COVID-19 serta tindakan pencegahan penularan.

Kedua, memastikan maklumat yang tepat berkaitan COVID-19 disampaikan kepada warga Wilayah Persekutuan.

Ketiga, memastikan golongan yang terkesan akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibantu sebaik-baiknya.

Jika ketiga-tiga cabaran utama ini dianggap ujian kepada Annuar dan anak buahnya dalam KWP serta agensi-agensi berkaitan, Adi lihat mereka dapat mengendalikannya dengan baik, khususnya dalam membantu golongan yang terkesan akibat COVID-19.

Dalam menangani isu memerangi COVID-19 dan memastikan maklumat tepat disalurkan kepada warga Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Pusat Pengurusan Krisis diwujudkan melibatkan semua agensi berkaitan di bawah KWP.

Setiap hari maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 serta tindakan-tindakan yang diambil oleh agensi-agensi penguatkuasaan dimaklumkan kepada umum melalui siaran media.

Ini memudahkan warga Wilayah Persekutuan



ANNUAR bersama pegawai-pegawai kanan kementerian dan agensi menyambut 365 hari Wilayah Prihatin baru-baru ini.

mengetahui perkembangan semasa COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan diambil.

## HILANG SUMBER PENDAPATAN

Satu aspek utama yang diberi perhatian serius ialah kesan ekonomi COVID-19 terhadap warga Wilayah Persekutuan khususnya, seiring dengan kesan kepada ekonomi negara. COVID-19 menyebabkan banyak sektor ekonomi ditutup. Akibatnya ramai kehilangan kerja dan sumber pendapatan.

Golongan yang terkesan ini sudah tentu menghadapi kesukaran mengharungi hidup, terutama di ibu kota yang serba mencabar dan serba serbi memerlukan wang.

Masalah ini dihadapi dengan mengambil pelbagai pendekatan kepada golongan sasar. Program merangkumi empat teras utama, iaitu pembelaan kebijakan rakyat, menangani kemiskinan bandar, penjanaan dan pemulihran ekonomi serta pembangunan mampan di Wilayah Persekutuan.

Kesemuanya dipakejkan

sebagai Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) yang kemudian dikembangkan kepada IWC 2.0, IWC 3.0 dan IWC 4.0.

Adi difahamkan, usaha Annuar dan KWP sehingga kini memanfaatkan kira-kira 530,000 warga Wilayah Persekutuan dengan jumlah perbelanjaan dikeluarkan RM151.3 juta.

Program bantuan lain melibatkan Inisiatif MYS, iaitu bantuan MYFood@ Wilayah, MYGrocer@Wilayah, MYSchoolbus@Wilayah, MYMedic@Wilayah dan MYjob@Wilayah. Kesemuanya bermatlamat mengurangkan beban golongan miskin serta B40 yang menghadapi masalah akibat COVID-19.

Juga dilaksanakan ialah Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) serta Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota (PPUAMK) bagi membolehkan mereka yang terkesan dengan COVID-19 memperoleh pendapatan alternatif, khususnya dengan berniaga.

Dalam aspek pembangunan mampan, KWP akan memastikan kawasan tanah lapang dan hutan simpan kekal sebagai kawasan hijau serta rekreasi untuk kegunaan orang awam.

Sebenarnya ini bukan usaha mudah kerana bagi Adi, di Kuala Lumpur di mana pembangunan begitu pesat, faktor penggunaan tanah sangat kritikal.

Namun kawasan lapang dan hijau tetap dipertahankan agar Kuala Lumpur tidak menjadi hutan batu.

Daripada 2068.30 hektar kawasan lapang di Kuala Lumpur, 966.05 hektar telah diwartakan, sementara 1033.99 hektar tanah lapang berpotensi akan diwartakan seperti dalam Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020.

Selain itu, 1930 hektar kawasan lapang di Putrajaya diwartakan sebagai kawasan hijau dan rekreasi. Di Labuan, 29.86 hektar kawasan lapang

diwartakan kawasan hijau serta rekreasi bagi warga Labuan.

Ternyata banyak program dirancang dan dilaksanakan bagi kesejahteraan Wilayah Persekutuan dan warga penduduknya. Kesemua ini memerlukan perancangan teliti bagi membuat hasil diharapkan.

Bagi Adi, Wilayah Persekutuan beruntung dipimpin oleh seorang menteri yang sentiasa tidak kering idea untuk memajukan ketiga-tiga wilayah persekutuan dan memastikan kehidupan penduduknya selesa dan terbelia.

Jika ujian mentadbir Wilayah Persekutuan ibarat ujian peperiksaan, Annuar Musa dan kaki tangan KWP serta agensi terlibat telah lulus dengan jaya.

- Adi Tuah

## SAJAK

### SELEPAS HUJAN

Selepas hujan daun yang kering semakin segar dalam taman dan di luar semakin hijau dan subur setelah sekian lama menahan sabar.

Selepas hujan mengingatkan ujian yang getir melalui kemarau panjang dan tetesan tetesan yang gugur membawa mengakhiri segala masalah.

Selepas hujan tanah persaudaraan yang selama terpinggir kembali basah mengalirkan segala sengketa dan resah.

### MUSLIHAT

Dari muslihat itulah aku memperolehi pengalaman akur khilaf pada kepercayaan menyerlahnya kecurangan menilai segala perbandingan memisahkan kebenaran dengan kepaluan.

Dari muslihat itulah aku menyuluh diri dan menilai langkah-langkahku alpa dengan hati yang redha mewarnakan putih dan hitam.

Dari muslihat itulah aku melihat langit masih terbuka menggapai jaring-jaring cahaya menyelenggara putih dan hitam menutup bahagian yang rapuh.

Ismail Hashim  
13.03.2021

## SKETSA



YWP cakna keperluan mangsa bencana

# RM10,500 diperuntuk untuk kebajikan

AINI MAWAWI

**S**EBANYAK 10 keluarga di Pinggiran TTDI dan Kampung Sungai Penchala yang terlibat dengan tragedi ribut pada 3 Mac lalu menerima sumbangan bencana daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, bantuan yang dikategorikan di bawah sumbangan khas tersebut bagi membantu meringankan beban yang dihadapi mangsa.

“Walaupun sumbangan tersebut tidak akan



**YAYASAN**  
WILAYAH PERSEKUTUAN

menyelesaikan sepenuhnya masalah mereka namun ia sedikit sebanyak mampu mengembalikan senyuman di wajah mereka,” ujar beliau kepada Wilayahku.

Selain daripada wang tunai RM500 bagi sebuah keluarga, mangsa turut menerima sumbangan beras percuma di bawah program MYBERAS @ Wilayah dan barang keperluan asas.

Tambah beliau lagi, bermula Januari 2021 hingga Mac,

sejumblah RM10,500 bantuan bencana disalurkan kepada 21 orang mangsa yang terlibat.

“YWP memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk sumbangan khas bagi tahun 2021 merangkumi pelbagai kategori antaranya sara hidup, pendidikan, perubatan, perayaan dan sebagainya,” ujar beliau.

Kata Zaizalnizam lagi, YWP sentiasa prihatin sekiranya terdapat permohonan bantuan yang diajukan kepada YWP.

“Paling penting jika ada permohonan yang masuk ke YWP, kita akan pertimbangkan sebaik mungkin untuk membantu,” ujar beliau. **WK**



ZAIZALNIZAM (dua kanan) hadir ketika sesi penyerahan sumbangan bencana baru-baru ini.

## Warga net dakwa ‘downtown’ lama Cheras tidak amal penjarakan fizikal

NAZWIN NAZRI

RIBUAN kes harian COVID-19 dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM), seolah-olah tidak ‘menakutkan’ orang awam apabila masih ramai mengabaikan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Selain membawa anak kecil ke tempat sesak, segelintir orang awam tidak mengendahkan arahan pemakaian pelitup muka dengan baik dan enggan mengamalkan penjarakan fizikal.

Menurut salah seorang warga net, keadaan sedemikian dilihat di beberapa lokasi awam sekitar ibu negara terutama di downtown lama berhampiran Velodrom Cheras, Kuala Lumpur.

Dia yang turut menzahirkan rasa kecewa menyatakan, tindakan sambil lewa tersebut akan mewujudkan kluster baharu kes COVID-19 sekali gus menyukarkan usaha kerajaan membasmi penularan wabak.

“Maaf saya cuma mahu luhur rasa kecewa bila lalu depan downtown lama, ramai orang melepak makan di tepi den-



DOWNTOWN Cheras antara lokasi tumpuan warga kota. - Gambar hiasan

gan SOP out! (tidak mematuhi SOP).

“Tolong ada kesedaran sikit semua. Kita belum menang lagi. Disebabkan mereka yang ambil hal (SOP) ini remeh, kes tidak turun,” katanya seperti dipaparkan di Facebook Banturaz Media.

Menurutnya, ekoran sikap penting diri itu, orang lain akan turut terkena tempias.

Malah, katanya, aduan yang

dikemukakan itu bukan bersifat dendki kepada golongan peniaga tetapi tanda prihatin dengan keadaan semasa.

“Kita ambil tahu antara satu sama lain dan muh orang ada kesedaran sikit. Tidak salah muh makan ke nak beli di mana tetapi tolong beringat.

“Kalau sudah berkumpul melepak, membeli pun tidak patuh SOP,” adunya.

Dalam pada itu, aduannya

### Info ADUAN

#### PERTIWI

WhatsApp  
: 013-680 6666  
: 013-688 7777

#### DBKL

Tel : 03-2617 9000

#### Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000  
Aduan : 03-8887 3000

#### Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852

#### Wilayahku

WhatsApp  
: 011-5958 7489

## Huawei Malaysia, MYNIC bantu pendidikan murid

HUAWEI Technologies (Malaysia) Sdn Bhd (Huawei Malaysia) dan MYNIC menyumbang 200 tablet Huawei MediaPad kepada kanak-kanak dari sekolah terpilih.

Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, **Datuk Hasnul Fadly Hasan** berkata, sumbangan tersebut merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan tanda keprihatinan untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan.

“Pandemik COVID-19 mempercepatkan proses transformasi digital dan menyebabkan penggunaan internet yang ketara dalam semua aspek kehidupan.

“Namun, terdapat murid-murid yang tidak dapat mengikuti pembelajaran secara kondusif atau dalam talian kerana masalah komputer atau alat peranti.

Dalam pada itu, Huawei Malaysia turut menyumbang dua unit Huawei IdeaHub Skrin Pintar (Smart Screen) kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Astana dan Sekolah Kebangsaan Balok Makmur, Pahang bagi menyediakan pengalaman pembelajaran secara interaktif.

IdeaHub boleh digunakan sebagai papan putih pintar dan alat telekonferensi serta menyokong pembelajaran dalam talian yang fleksibel dan menjadikan pembelajaran lebih menarik. **WK**



Dapatkan e-Paper percuma **Wilayah Ku**  
Whatsapp ke nombor 011-5958 7489

Ketuk di sini untuk melihat katalog hadiah.  
Memenangi hadiah menarik dengan mudah.

REALITI KEHIDUPAN

# Rakam

19 - 25 MAC 2021 . BIL 107

Wilayah Ku



33 tahun Orkestra DBKL

## Ekspresi seni irama Malaysia



AZLAN ZAMBRY

**A**LUNAN muzik yang dimainkan menghasilkan satu melodi yang indah

sesuai dengan jenamanya yang telah dikenali dan menempa nama di peringkat antarabangsa.

Ditubuhkan sejak tahun 1988, Orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah hasil cetusan idea oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur ketiga, Allahyarham

Tan Sri Elyas Omar yang mahu menjadikan Kuala Lumpur setaraf dengan bandar raya dunia yang lain kerana setiap bandar raya sudahpun mempunyai pasukan orkestra masing-masing.

SAMBUNGAN DI MUKA 10, 11



# Khazanah tidak ternilai DBKL dan warga kota



## DARI MUKA 9

Rentetan daripada itu, pasukan tersebut semakin berkembang dan mula mendapat perhatian warga kota apabila sering diundang untuk menghiburkan golongan kenamaan negara di majlis-majlis rasmi serta di konsert-konsert yang dihadiri warga kota.

Orkestra DBKL merupakan satu khazanah yang tidak ternilai untuk DBKL dan warga kota kerana sepanjang penglibatannya, mereka telah mewarnai dunia seni tanah air malah mereka turut mengiringi persembahan penyanyi-penynyanyi popular termasuklah Biduanita Negara, Allahyarhamah Datuk Sharifah Aini.

Malah, legenda pemuzik tanah air, Datuk Johari Salleh turut pernah memimpin pasukan ini sekaligus meletakkan Orkestra DBKL setanding dengan pasukan orkestra yang ada dalam negara.

Pengarah Muzik DBKL, **Isabella Pek** berkata, kewujudan Orkestra DBKL sejak 33 tahun yang lalu telah memberi sisi positif untuk bandaraya disamping meningkatkan lagi jenamanya sebagai salah sebuah pasukan orkestra terbaik di negara ini.

“Pasukan Orkestra

DBKL ditubuhkan selari dengan beberapa buah bandaraya ketika itu yang mempunyai pasukan orkestra tersendiri.

“Jadi keputusan menubuhkan pasukan Orkestra DBKL diambil bagi mewujudkan sisi seni ibu kota dan ia telah berjaya menyemarakkan lagi aktiviti seni dan budaya di Kuala Lumpur,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menurut Isabella, dengan kekuatan kira-kira 75 pemuzik profesional yang berkebolehan mengendalikan instrumen muzik, ia menambah kekuatan pasukan yang dipimpinnya untuk meletakkan Orkestra DBKL di kelas tersendiri.

“Pemuzik-pemuzik yang bekerja secara sepenuh masa di sini kebanyakannya bertaraf profesional dan sebahagiannya adalah pemuzik tetap dan ada yang kontrak dan mereka yang dipilih merupakan pemuzik yang mempunyai disiplin yang sangat tinggi kerana bekerja seperti penjawat awam yang lain.

“Mereka juga mempunyai pendidikan di dalam bidang muzik yang tinggi dan sekurang-kurang berkelayakan Diploma daripada Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) serta



institusi lain termasuklah Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang mengkhususkan dalam bidang Muzik,” katanya.

## PEMUZIK KAKITANGAN DBKL

Isabella berkata, pemuzik ini mempunyai jadual waktu bekerja seperti kakitangan yang lain dan ia turut padat dengan jadual latihan.

“Orang ramai mungkin beranggapan, menjadi pemuzik hanya sekadar bermain alat muzik semata-mata, sebaliknya mereka perlu berlatih agar tidak hilang kemahiran yang ada.

“Mereka juga perlu melihat dan memahami skor muzik yang dibekalkan kerana melodinya berubah-ubah mengikut audien dan majlis yang dijadualkan agar ia

disesuaikan dengan keadaan.

Jelas Isabella, tidak semua persembahan DBKL akan melibatkan pasukan orkestra kerana ia perlu disesuaikan dengan majlis dan persembahan.

“Sekiranya persembahan itu dilakukan secara *outdoor*, kami akan menghantar pasukan Kombo DBKL yang dianggotai tidak lebih 15 orang.

“Kedua, adalah kumpulan big band yang kebanyakannya menggunakan instrumen seperti saksofon, trumpet dan trombon manakala untuk program rasmi seperti konsert dan sambutan Hari Wilayah Persekutuan, kami akan menurunkan pasukan Orkestra yang melibatkan keseluruhan instrumen muzik,” katanya.

## ANGKAT LAGU POPULAR

Menurut Isabella, pandangan orang ramai mengenai orkestra berkemungkinan hampir sama kerana mereka beranggapan orkestra hanya akan mengangkat karya-karya klasik sebagai lagu utama dalam persembahan mereka.

“Setelah kira-kira 16 bulan memimpin pasukan ini, saya mendapati keunikanya apabila menjadikan muzik popular sebagai irama utama yang diketengahkan di dalam setiap persembahannya.

“Tidak dinafikan sesetengah ahli muzik memandang rendah dengan pemilihan lagu seperti itu kerana bagi mereka, persembahan orkestra seharusnya mempersembahkan lagu-lagu repetua atau klasik seperti Beethoven, Bram dan Mozart.

“Tetapi bagi Orkestra DBKL, keunikan kami dari awal hanya menggunakan format orkestra, tetapi persembahan kami cenderung kepada rapetua muzik popular supaya ia lebih mendekati warga kota,” katanya.

Tegasnya, pendengar akan lebih menghargai setiap persembahan orkestra kerana mengangkat lagu-lagu popular kerana mereka hidup di zaman semasa.

Jelasnya, pihaknya turut dipersoalkan kenapa tidak mempersembahkan karya-karya klasik eropah tersebut yang sememangnya sering menjadi



**ISABELLA**



ANTARA persembahan artis popular yang pernah diiringi oleh Orkestra DBKL.



Imbas  
kod QR  
untuk  
menonton  
video



persembahan utama pasukan orkestra hampir seluruh dunia.

"Bagi saya, persembahan itu telah dilaksanakan oleh pasukan lain dan Orkestra DBKL tidak perlu bersaing dengan mana-mana pasukan berkenaan persembahan,"

Dengan muzik popular, walaupun ia dilihat mudah, namun cabaran disebaliknya tidak seperti yang dijangkakan kerana setiap lagu popular, pihak kami akan memastikan ada pembaharuan dari segi susunan melodi dan disitulah keunikannya," katanya.

#### SIMPAN 4,000 SKOR MUZIK

Katanya, sehingga kini pihaknya mempunyai kira-kira 4,000 naskhah lagu dalam pelbagai irama termasuklah lagu kerongcong dan joget yang disimpan di dalam arkib Jabatan Muzik DBKL sejak ia ditubuhkan.

"Koleksi di dalam bentuk skor lagu itu masih disimpan rapi dan ia boleh dimainkan sekiranya mendapat permintaan."

"Namun sesuai dengan keadaan semasa, kebanyakkan lagu-lagu irama asli ini akan digubah mengikut citarasa pendengar agar ia sentiasa segar tanpa menghapuskan ciri asal lagu tersebut."

"Bahkan sebagai contoh lagu Allahyarham Tan Sri P Ramlee turut mengalami proses evolusi dalam gubahan setiap tahun dalam penggunaan instrumen agar ia lebih segar untuk disajikan kepada pendengar," katanya.

Ujar Isabella, pihaknya mahu menjadikan Orkestra DBKL sentiasa relevan dengan orang ramai agar kerana ia adalah sebahagian daripada kehidupan warga kota.

"Kita merancang untuk melakukan program berbentuk 'outreach' seperti mengajurkan kelas-kelas muzik untuk kanak-kanak dan warga kota agar bakat seni yang ada dapat dikembangkan."

Selain itu, kami juga merancang untuk mengadakan persembahan di setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) kerana kajian saintifik dan ahli psikologi membuktikan muzik boleh mengurangkan tekanan dan kegelisahan dalam kalangan orang ramai," katanya. **WK**

# Bangga jadi sebahagian daripada Orkestra DBKL

**M**ENJADI pemuzik orkestra sememangnya impian setiap ahli muzik kerana ia merupakan platform yang tinggi selain berpeluang meraih pengalaman berharga dan berguru dengan pemuzik terkemuka.

Bagi pemain trumpet, **Mohd Fareed Abdul Aziz**, dipilih menganggotai Orkestra DBKL merupakan rezeki yang sangat dihargai kerana prestij yang ada pada jenamanya serta telah dikenali.

"Sejujurnya saya sangat bersyukur kerana telah lima tahun berbakti untuk pasukan orkestra Kuala Lumpur ini dan berpeluang melakukan persembahan untuk majlis-majlis keraian yang melibatkan pemimpin negara dan perwakilan asing.

"Saya turut berpeluang mendalami ilmu dalam bidang muzik kerana rakan-rakan sekerja yang lebih senior membantu untuk memantapkan lagi persembahan akan datang," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Mohd Fareed, jadual harianya tidak berbeza dengan mana-mana penjawat awam yang berkhidmat dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Kami sama seperti kakitangan lain yang perlu mengetip kad perakam waktu ketika memasuki pejabat dan meninggalkan pejabat.

"Jadual kerja pula berkisar kepada ulang kaji Skor Muzik dan menjalani latihan beberapa kali dalam seminggu dan ia akan menjadi semakin kerap sekiranya ia melibatkan persembahan

dihadapan pemimpin utama negara," katanya.

Graduan Diploma Muzik daripada Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ini berkeyakinan bahawa Orkestra DBKL mempunyai pengaruh dan keunikan tersendiri berbanding pasukan orkestra di luar negara.

"Pasuakan Orkestra DBKL ini boleh melangkah jauh dalam bidang ini kerana kebanyakkan pemainnya adalah wajah baharu dari Generasi X dan Y dan mempeuniyi ahli orkestra yang ramai dan berjawatan tetap tanpa perlu mengambil pemuzik luar untuk setiap persembahan.

"Jemannya tidak perlu diperkenalkan lagi dan keunikannya adalah kerana kami mengangkat muzik popular dalam setiap persembahan dan ia diakui pasukan orkestra dari luar negara," katanya.

Tambahnya, sepanjang berkhidmat, beliau telah diberi peluang untuk menunjukkan bakat melalui persembahan Konsert Diraja di hadapan Seri Paduka Yang Dipertuan Agong serta kenamaan-kenamaan lain serta Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang diadakan di Dataran Merdeka setiap tahun.

Bagi pemain piano, **Tengku Indra As Syafie Tengku Mohd Shahid** menyifatkan sepanjang berkhidmat di DBKL merupakan satu keputusan terbaik kerana



MOHD FAREED



TENGKU INDRA

graduan Diploma Muzik ASWARA berkata, sepanjang menggotai Orkestra DBKL beliau berpengalaman melakukan persembahan beberapa kali di Istana Negara dalam Konsert Diraja serta mengiringi persembahan artis.

"Sekiranya ada satu persembahan, jadual daripada pemimpin orkestra akan diberikan dan persiapan akan dilakukan satu minggu sebelum tarikh persembahan diadakan,"

"Pemilihan lagu dibuat oleh pemimpin orkestra dan persiapan akan dilakukan dalam tempoh satu minggu sebelum memberikan persembahan yang sempurna."

"Kebiasaanya kami akan berlatih kira-kira 20 buah lagu dan tempoh latihan adalah dua jam pada waktu pagi dan dua jam lagi pada waktu petang," katanya. **WK**



MOHD FAREED ketika sesi latihan di studio DBKL.

## SENARAI NAMA PEMUZIK ORKESTRA DBKL 2021

ISABELLA PEK  
MOHD ISA BIN ISMAIL  
JOSEPH RAYMUND U ARNESTO  
ALBERT AROKIA NATHAR  
ONG SAY SEONG  
AZMAN BIN SAMSUDIN  
MOHAMMAD BINTAJUDDIN  
TAN WOEI GUAN  
MOHD DZAHIRFIKRY  
MOHD FAIZAL BIN ZULKIFLY  
MUHAMMAD RAJAB BIN MD. DALI  
SHUKOR BIN LOHO  
KHAIRUL NIZAM BIN MOHD AFIFI  
ABDULLAH BIN OTHMAN  
SALIMEE MOHAMAD BIN OTHMAN  
CHONG WOON SONG  
KHAIRIL ANUAR BIN BAHARI  
MOHD ZAHARI BIN MOHD ZAKI  
ROZDI BIN HASHIM

NAZLE BIN ROSLY  
MUHAMMAD SYAFIQ BIN ZAKARIA  
ADAM SHAHRIR BIN OMAR  
MOHD HASANUL BIN ABU BAKAR  
MOHD RIZDWAN BIN SHAFEI  
MOHD AMIN BIN MOHD HANAFIAH  
YM RAJA ZAHRIN FAZRIL  
CHAI KEE HONG  
TENGKU INDRA AS SYAFIEE  
IQBAL BIN KAMARUDIN  
TAN FANG HAU  
MUHAMMAD SAUFI BIN NASYARI  
MAHMUDIN BIN KAMARUDIN  
KHAIRUL ASRI BIN JAMALUDIN  
OLY FIZLY BIN OTHMAN  
SYED SHARIR FAISAL  
ABDUL RASYID ISKANDAR  
UMAR AFFZAN BIN ANUAR  
LEE QUAN

MUHAMMAD HAFIZ BIN MOHD ARIF  
MOHD ADZNAN BIN MOKHTAR  
MELVIN DAVID  
MOHD FAREED BIN ABDUL AZIZ  
MOHAMMAD ASHYRAFF BIN ADNAN  
MOHD IZZAT BUKHORI BIN AWANG  
MOHD ARIFF BIN MOHD YUSOFF  
MUHAMMAD ZULFAZELI BIN ALIZAN  
AMAR REDZA BIN MOHD AZALAN  
AG MOHD THAIRY TASUIM  
WAN MOHD SHAFIZUL PUTRA  
AL-AMIN BIN ABDUL LATIF  
MOHD KHAIRUL ANUAR  
MUHAMMAD 'IZZUDDIN BIN BAHARIN  
NOOR HAZRIL BIN MOHD SIDEK  
ASMAIDI BIN HAMZAH  
FAQRUL HAKIM BIN HIDZIR  
SHAREENA BINTI ISMAIL  
SUZANA BINTI SELAMAT

SALMIRA BINTI IDRIS  
NORLELA BIN ABDUL MANAP  
TOO PUI MUN  
NURUL SYUHADA BINTI MD RAZALLI  
LEW YOKE THING  
JUANA BINTI BABIL  
SARAH BINTI RAMLI  
NOOR FARIZA BINTI HAMDAN  
NOR FATHIN AYU AHMAD TERMUZI  
HO KIT TENG  
NURAMIRA AFIQAH BINTI ZAINAL  
NURFARHANA BINTI ABU BAKAR  
AYESHAH BINTI HASSAN  
NIK SHAREENA ROSNY  
LEE SHI MIN  
NOR EMALINA BINTI HAMZAH  
PUTERI TEJA BINTI ALIAS  
ANIS KALISA BINTI ROSLI

# Prihatin Usahawan dan Pelancongan di Putrajaya



NAZIRUL ROSELAN

**H**ARI minggu merupakan hari bekerja bagi susuk tubuh orang nombor satu di Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Sebagai menteri, usahawan muda diberi peluang dengan mewujudkan peluang bermula. Sebagai tanda memberi sokongan, Annuar Musa turun sendiri melihat perniagaan yang dijalankan di Presint 4 Putrajaya baru-baru ini.

Tarikan pelancongan di Putrajaya juga dititikberatkan oleh Annuar di mana beliau sanggup berpanas melihat peluang dan potensi yang terdapat di Laman Floria Putrajaya bagi menarik lebih ramai orang mengunjunginya.

Pitstop untuk laluan basikal juga dibina bagi memudahkan penggemar dan menarik lebih ramai penggiat sukan tersebut datang ke Putrajaya. **WK**



LENSA Annuar di Laman Floria Putrajaya.

# Cukai Tanah : Tanggungjawab pemilik dan kesan jika gagal membayar

## MUKADIMAH

**C**UKAI Tanah atau cukai sewa adalah kadar bayaran dikenakan kepada pemilik tanah atas sebab faedah dinikmati dari pemilikan tanah.

Berdasarkan Seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965, cukai tanah atau sewa ditafsir sebagai, suatu jumlah wang tahunan yang dikenakan oleh

Berdasarkan tempoh masa sejak ditubuhkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1974, sebanyak empat kali cukai tanah telah dipinda PBN pada 1975, 1984, 1994 dan tahun 2006.

Bagi Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan **Datuk Muhammad Yasir bin Yahya**, pada masa ini kadar penentuan cukai di WPKL adalah berdasarkan kepada P.U.(B)74, Pemberitahuan Kanun Tanah Negara (semakan Cukai) 2006.

Beliau berkata, kadar cukai yang dikenakan kepada setiap hakmilik ditentukan berdasarkan kelas tanah seperti tanah bandar, pekan atau desa selain jenis kegunaannya.

Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab pemilik berdaftar atau wakilnya menjelaskan cukai tanah setiap tahun berdasarkan Seksyen 95 Kanun Tanah Negara 1965, sekalipun bil cukai tanah bagi tahun terbabit tidak diterima.

"Selain itu tempoh pembayaran pula bermula 1 Januari sehingga 31 Mei bagi tahun berkenaan dan selaras

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sebagai cukai.

Selain itu, ia juga ditafsir sebagai apa jua bayaran tahunan lain oleh pemilik setelah terhutang kepada PBN berdasarkan mana-mana undang-undang bertulis, perlulah dipungut seolah cukai sewa atau hasil tanah; dan apa jua bayaran terhutang kepada PBN dianggap sebagai Tunggakan Cukai Sewa.

Seksyen 94 Kanun Tanah Negara 1965," katanya di dalam temubual bersama *Wilayahku*.

Sementara itu, sekiranya berlaku keadaan pemilik tanah berdaftar atau wakilnya gagal menjelaskan cukai tanah sehingga 31 Mei bagi tahun berkenaan, caj tunggakan (denda lewat) sebanyak 10% daripada jumlah cukai tahunan, dikenakan kepada pemilik berdaftar.

Caj tunggakan itu kata Muhammad Yasir, diambil berdasarkan Seksyen 94(2) Kanun Tanah Negara 1965 dan Kaedah 22, Kaedah-kaedah Tanah WPKL 1995, yang telah memperuntukkan denda sebagai tambahan kepada jumlah cukai kena dibayar kepada PBN.

Berdasarkan rekod hingga awal tahun 2020, sebanyak 165,371 hakmilik tanah berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, daripada jumlah itu, sebanyak 16% atau 26,551 hakmilik ada tunggakan cukai dengan nilai RM28,809,508.30.

Pihak PPTGWPKL telah menjalankan pelbagai usaha mengurangkan jumlah

tunggakan cukai tanah antaranya melaksanakan Ops Ketuk, beri notis secara serahan tangan, sesi libat urus dengan pemilik tanah, pembukaan kaunter bayaran di luar pejabat, pembersihan data serta menguatkuasakan peruntukan undang-undang seperti tindakan perampasan.

"Kesan usaha diambil, sehingga 31 Disember 2020, baki tunggakan cukai tanah telah berkurangan kepada RM19,584,478.00 yang melibatkan seramai 15,727 hakmilik tanah," ujarnya.

Beliau juga menjelaskan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi memudahkan dan menggalakkan pemilik tanah berdaftar menjelaskan bayaran cukai tanah masing-masing.

"Antara saluran bayaran untuk menjelaskan cukai tanah adalah seperti kemudahan bayaran di kaunter SPOC Bahagian Hasil Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bayaran atas talian (FPX) melalui portal rasmi PPTGWP ([www.ptgwp.gov.my](http://www.ptgwp.gov.my) (e-Bayaran)), bayaran di kaunter Pejabat Pos dan kaunter DBKL secara tunai," katanya.

Sebagai pelengkap kemudahan untuk pelanggan, bayaran secara Perbankan Internet melalui (M2U, CIMBclicks dan RHB Online) juga telah dibangun demi keselesaan para pelanggan.

Di samping itu, semakan bayaran cukai tanah juga boleh dibuat melalui portal rasmi

seperti pemegang gadaian dan pengkaveat mengikut Seksyen 98.

"Tuntutan bayaran ini hendaklah dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh notis diterima. Kegagalan menjelaskan sepenuhnya jumlah tuntutan akan sebabkan tanah tersebut dilucutah (dirampas) kepada PBN," tegasnya.

Penguatkuasaan pelucutan hak milik boleh dibuat dengan secara pengisytiharan melalui Borang 8A – Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan dan pelucutan akan berkuatkuasa sebaik sahaja Borang 8A diwartakan.

Kesan daripada pelucutan-hakan ini akan menjadikan tanah tersebut kembali sebagai tanah Kerajaan yang bebas daripada segala bentuk bebanan atau tuntutan. Oleh demikian, pemilik tanah ataupun pihak berkepentingan terhadap se-satu tanah terbabit hendaklah sentiasa mengambil berat dan bertanggungjawab menjelaskan bayaran cukai tanah masing-masing.

Walaupun kebanyakan pemilik tanah tidak membayar cukai berikutnya tidak menerima bil cukai, ianya bukanlah satu alasan untuk tidak menjalankan tanggungjawab sebagai pemilik tanah, berikutnya peruntukan undang-undang di dalam Kanun Tanah Negara 1965 tidak mewajibkan bil cukai tanah dikeluarkan atau dihantar kepada pemilik tanah. Amalan penghantaran bil-bil cukai tanah oleh PPTGWPKL kepada pemilik tanah adalah bersifat sebagai pemakluman sahaja. **WK**



MUHAMMAD YASIR

PPTGWP dengan memasukkan nombor akaun hakmilik ataupun nombor hakmilik tanah.

Dalam pada itu, sekiranya pemilik tanah gagal jelaskan cukai tanah, segala urusan dipohon pemilik tanah seperti memecah bahagian tanah, memaju atau mencantum tanah, menukar kategori ataupun syarat tanah serta urusan untuk memindah milik, memajak dan lain-lain akan terhalang.


Tindakan tersebut selaras kuasa diperuntukan Seksyen 301A yang mengkehendaki semua sewaan (cukai) hendaklah dijelas bayaran sebelum serahan di PPTGWPKL.

Kata Muhammad Yasir, selain daripada itu, pemilik turut berdepan risiko lebih besar iaitu tanah dirampas atau dilucut hakmilik, mengikut Seksyen 97 dan Seksyen 100 Kanun Tanah Negara 1965.

"Dalam hal ini pemilik yang gagal menjelaskan cukai dalam tempoh ditetapkan, satu Notis Tuntutan tunggakan sewa dikeluarkan melalui Borang 6A di bawah Seksyen 97. Notis juga akan diserah kepada pihak berkepentingan hakmilik itu



## PERADUAN MEWARNA PM107



Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

### CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di dalam akhbar WilayahKu di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2018@gmail.com](mailto:wilayahku2018@gmail.com)
4. Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.
5. Tarikh tutup penyertaan kali ini adalah 25 MAC 2021.
6. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar WilayahKu Bilangan 112.

# 3

PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



## TEKA SILANG KATA TS107

### MELINTANG

1. Jarang-jarang ada atau didapati ganjil.
2. Kajian tentang punca atau sebab timbulnya sesuatu penyakit.
3. Rasa hendak tidur.
4. Dalam sastera lama, utara disebut \_\_\_\_\_.
5. Unsur logam yang mudah teroksidasi dalam udara dan sangat reaktif.

### KE BAWAH

1. Tidak berwujud, abstrak atau mujarak.
2. Keadaan masa atau ruang yang tidak ada batasnya.
3. Perayaan untuk memperingati ulang tahun sesuatu peristiwa.
4. \_\_\_\_\_ ialah gelaran bagi putera dan puteri Jawa.
5. Sumber data atau rujukan yang kedua.
6. Keterangan ringkas tentang isi sesebuah buku yang terdapat di kulit belakang.
7. Orang kepercayaan atau sahabat karib dalam bahasa Arab.

Peraduan silang kata ini dijalankan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia.

### CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2018@gmail.com](mailto:wilayahku2018@gmail.com)
3. Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON.
4. Tarikh tutup penyertaan ini adalah pada 25 MAC 2021.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar WilayahKu Bilangan 112.



**5** PEMENANG AKAN DIPILIH SETIAP  
BULAN UNTUK MENERIMA MAJALAH  
DAN BUKU TERBITAN DBP.  
3 PENYERTAAN PALING AWAL DAN  
TEPAT AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk ujibakat dan berpeluang untuk menyertai pasukan produksi WILAYAHKU TV.

DURASI VIDEO TIDAK LEBIH 2 MINIT.

Emailkan kepada:

[wilayahku2018@gmail.com](mailto:wilayahku2018@gmail.com)

Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

## KEPUTUSAN PERADUAN BILANGAN 98

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM98 dari akhbar WilayahKu Edisi 98:

BAIHAQI KHAIRUL ANWAR  
(9 tahun)  
Sepang,  
Selangor

ALMA BALQIS  
(12 tahun)  
Ampang, Selangor

MUHAMMAD SETH SADAL MELIK  
(7 tahun)  
Sentul, Kuala Lumpur




Karya Baihaqi

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Teka Silang Kata TS98 dari akhbar WilayahKu Edisi 98:

ADRIANA SYASYA  
(22 tahun)  
Bangi,  
Selangor

SITI KHADIJAH  
(23 tahun)  
Kulim,  
Kedah

NOR AZIAH  
(66 tahun)  
Keramat, Kuala Lumpur



Keputusan pemenang juga diumumkan di portal dan laman Facebook WilayahKu.

# Kari kepala ikan sedap dan murah, tarikan utama D'Warees Resipi



DEEL ANJER

**S**EPUT saja kari kepala ikan, pastinya ramai penggemar akan membayangkan kesedapannya. Namun, ada yang berkira-kira kerana beranggapan harganya mahal.

Jangan risau, Restoran D'Warees



SELAIN kari kepala ikan, D'Warees Resipi turut menawarkan menu makanan lain.

Resipi di Taman TTDI Jaya menjadikan impian satu kenyataan.

Dimiliki oleh **Ahmad Tarmizi Khalid** dan isterinya **Akmalzulaila Mohamad**, siapa sangka gabungan resipi turun-temurun keluarga, berjaya memikat ramai pelanggan untuk menikmati kari kepala ikan.

Bukan sahaja kari kepala ikan bersaiz 'mega' dan sedap sehingga

menjilat jari, malah harganya murah dan mampu dimakan oleh semua orang.

"Antara kelebihan kari kepala ikan D'Warees Resipi adalah kami masak lima jenis kepala ikan misalnya ikan Merah, Jenahak, Kerapu dan Mayong. Apabila air ikan-ikan ini bercampur, maka terhasillah rasa yang lain daripada yang lain.

"Kombinasi lima kepala ikan tidak akan sama dengan satu jenis kepala ikan. Tambahan pula, rempah ratus yang kami gunakan bercirikan keMelayuan.

"Rasa resipi Melayu turun temurun ini jarang ada di tempat lain," jelas Tarmizi yang sentiasa memastikan yang terbaik buat para pelanggan yang datang.

Menurut Tarmizi lagi, kepala ikan yang yang segar dan murah juga membuatkan pelanggan sering berkunjung ke D'Warees Resipi bersama keluarga atau rakan-rakan.

"Kami sentiasa memastikan setiap hari kari kepala ikan yang dimasak adalah segar. Mereka yang suka makan ikan pasti akan dapat bezakan ikan itu segar atau tidak.

"Istimewanya, D'Warees Resipi memang menyajikan kari kepala ikan yang bersaiz besar dan segar, namun harganya tidak mahal malah dijamin lagi murah berbanding tempat lain."

"Nak tahu, kadang-kadang harga yang kami tawarkan adalah serendah RM20 hingga RM65. Kari kepala ikan Mayong pula harganya boleh serendah RM15.

"Harga yang kami tawarkan memang sangat murah namun rasanya tetap sedap dan berkualiti.

"Alhamdulillah.. Setiap hari, saya dan isteri dapat menjual antara 50 hingga 70 ketul kari kepala ikan," ujarnya lagi.

Manakala Akmalzulaila pula



D'Warees Resipi KARI KEPALA IKAN



KARI kepala ikan menjadi tarikan utama kerana rasanya yang sedap, murah dan mampu dimakan oleh semua orang.

sempat berkongsi pengalaman ramai pelanggan meminta kari kepala ikan seberat tujuh kilogram.

"Permintaan pelanggan tidak pernah mengecewakan. Pernah sekali, ada yang minta kari kepala ikan seberat tujuh kilogram.

"Jangan tak tahu, apabila saiz kepala ikan lagi besar, harga akan menjadi lebih rendah.

"Pendek kata, harga di sini sangat berpatutan. Kami mahu semua orang berpeluang makan kari kepala ikan di sini."

"D'Warees Resipi, kari kepala ikan bukanlah terlalu mewah dan mahal, semua orang mampu makan."

"Saya tahu ada yang menganggap kalau kari kepala ikan mesti harganya mahal. Namun jangan risau, D'Warees menawarkan harga yang sangat berpatutan. Anda jangan ragu-ragu untuk singgah di sini," ujarnya lagi.

Bermula dengan berniaga di premis tepi jalan sejak tahun 2017, D' Warees Resipi Kari Kepala Ikan

telah berpindah ke lokasi baharu kerana persekitaran yang lebih luas serta selesa.

Menu lain yang ditawarkan ialah kari kambing, kari daging masak lemak nangka, asam pedas dan kurma daging. W.K

## D' Warees Resipi Kari Kepala Ikan

Alamat: No.26, Jalan Opera A U2/A, Taman TTDI Jaya, Seksyen U2, 40150 Shah Alam, Selangor.  
Telefon: 017-3242140 / 017-3663987  
Facebook: D'WAREES RESEPI  
Instagram: dwareesresipi  
Waktu Operasi: 6.30 pagi hingga 5 petang (tutup setiap hari Jumaat)

# Festival Bercerita Putrajaya 2021

## tampil pencerita tersohor



**B**AGI meraikan sambutan Jubli Perak Putrajaya, Perbadanan Putrajaya (PPj) dan rakan strategik Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) bakal menganjurkan Festival Bercerita Putrajaya 2021 ini, pada pukul 3 hingga 5 petang akan menampilkan lapan orang penulis atau ilustrator yang akan bercerita mengenai gemilangnya Putrajaya.

Bagi mengetahui lebih lanjut tentang festival ini, ikuti penjelasan daripada Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), Tengku Aina Tengku Ismail Shah dan Presiden International Board on Books for Young People (IBBY), Datuk Ahmad Redza Ahmad Khairuddin.

### Bagaimana tercetus idea mengadakan Festival Bercerita Putrajaya 2021?

**TENGKU AINA :** Perancangan untuk mengadakan Festival Bercerita Putrajaya telah mula difikirkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) sejak Putrajaya menang bidaan pada tahun 2016 untuk menjadi hos kepada *International Board on Books for Young People Congress 2022* (IBBY Congress 2022). Pada tahun 2018 dan 2019 program Bercerita Kanak-Kanak telah diadakan semasa Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya dan program bercerita ini sepatutnya diadakan secara berterusan pada tahun 2020 sebagai 'build up' kepada IBBY Congress 2022. Walau bagaimanapun hasrat ini terpaksa ditangguh kerana pandemik COVID-19 dan pada tahun 2021, *Alhamdullilah* kita dapat mengadakan Festival Bercerita Putrajaya yang pertama secara norma baharu pada 20 dan 21 Mac ini.

Selain daripada tujuan 'build up' IBBY Congress 2022, Festival Bercerita Putrajaya 2021 juga mengambil peluang untuk meraikan sambutan Jubli Perak Putrajaya. Pada awal tahun ini, PPj bersama-sama rakan strategik MBBY telah berjaya menerbitkan sebuah buku cerita kanak-kanak berilustrasi berjudul "Gemilangnya Putrajaya!" (Magnificent Putrajaya!).

Buku ini mengandungi 12 cerita dengan ilustrasi yang menarik. Terdapat 6 cerita dalam Bahasa

Melayu dan 6 cerita dalam Bahasa Inggeris ini ditulis khas oleh 12 penulis terpilih yang mempunyai pengalaman yang luas dalam penulisan buku cerita kanak-kanak dan remaja. Sehubungan dengan itu, bagi Festival Bercerita Putrajaya yang julung kali diadakan, adalah sesuai sekali cerita-cerita dari buku "Gemilangnya Putrajaya!" dijadikan bahan penceritaan Festival ini.

### Apakah keunikan buku 'Gemilangnya Putrajaya'?

**TENGKU AINA :** Buku ini mengandungi cerita-cerita yang dihasil oleh penulis buku cerita kanak-kanak tempatan yang telah menyumbangkan karya kreatif mereka untuk dikumpulkan dalam sebuah buku yang diterbitkan sempena Sambutan Jubli Perak Putrajaya. Buku ini juga mengandungi ilustrasi-ilustrasi menarik, cerita-cerita berlatar belakang Putrajaya dan mesej-mesej positif.

### Kenapa pentingnya diadakan Festival Bercerita Putrajaya?

**TENGKU AINA :** Pertama sekali, kita ingin melihat kanak-kanak dan remaja lebih terlibat dalam membaca buku supaya dapat mengimbangi *trend* masa kini di mana mereka lebih cenderung bermain gadjet. Dengan adanya peluang kanak-kanak didedahkan kepada cerita-cerita yang menarik,

kita mengharapkan mereka akan bertambah minat untuk membaca buku ataupun meminta ibubapa membacakan buku cerita kepada mereka. Bukan sahaja ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan, malah ia dapat membuka minda dan imaginasi kanak-kanak untuk menjadi kreatif.

Festival ini juga diharapkan



**TENGKU AINA**



**AHMAD REDZA**

dapat menunjukkan bahawa dengan penceritaan dan juga galakan membaca dapat meredakan stress di kalangan kanak-kanak dan remaja. Isu kesihatan mental adalah satu isu yang sedang meningkat di serata dunia dan ini perlu dibendung seawal mungkin.

Festival ini juga ingin menggalakkan kanak-kanak dan remaja untuk mengasah skil persempahan. Selain daripada membina keyakinan diri, latihan membuat persempahan adalah sangat berguna apabila mereka mula berkerjaya.

Di samping itu, pengajuran program ini diharapkan dapat memposisi Putrajaya setaraf dengan

negara-negara lain dengan meraikan dan menyokong *World Storytelling Day* yang jatuh pada 20 Mac.

### Apakah peranan MBBY dalam festival ini?

**AHMAD REDZA :** Dengan sokongan dan kerjasama Perbadanan Putrajaya, MBBY telah berjaya menerbitkan buku cerita bergambar kanak-kanak "Gemilangnya Putrajaya!" dengan menampilkan 12 penulis dan ilustrator pelbagai bangsa yang juga rakyat Malaysia. Justeru itu, MBBY juga berperanan besar untuk mempromosikan buku ini beserta cerita-ceritanya bersama dengan penulis dan ilustratornya sekali. Festival ini telah dirancang oleh MBBY dan mendapat sokongan padu dari Perbadanan Putrajaya. MBBY telah mendapatkan pencerita-pencerita yang juga penulis cerita di dalam buku ini untuk menjayakan festival ini. Sokongan teknikal untuk mengadakan acara ini secara maya juga telah diusahakan oleh MBBY dengan kerjasama Unisel. MBBY juga telah membantu mempromosikan acara ini melalui saluran media sosial dan jaringan ahli serta rakan seperjuangan MBBY sama ada di dalam sektor awam maupun swasta. Poster dan siaran berkala telah dilakukan. Selain dari itu, MBBY telah mempromosikan festival ini kepada rakan-rakan MBBY di peringkat antarabangsa iaitu IBBY yang berpusat di Basel, Switzerland serta semua 80 negara ahli di seluruh dunia.

### Apakah pengisian Festival Bercerita Putrajaya 2021?

**AHMAD REDZA :** Festival Bercerita Putrajaya ini diadakan secara maya pada 20 dan 21 Mac 2021 jam 3:00-5:00 petang.

Tema untuk Festival Bercerita ini ialah "Gemilangnya Putrajaya!". Tema ini dipilih dari judul buku yang diterbitkan oleh Perbadanan Putrajaya dan Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia khas sempena untuk sambutan Jubli Perak Putrajaya dan program "Road to 2022" di mana Perbadanan Putrajaya dan Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia akan menjadi hos kepada persidangan antarabangsa mengenai buku kanak-kanak dan remaja yang terbesar didunia iaitu *38th IBBY International Congress* pada tahun 2022.

Festival Bercerita Putrajaya ini akan menampilkan 8 orang penulis/illistrator yang akan bercerita mengenai Gemilangnya Putrajaya yang terdapat di dalam buku tersebut. Di samping itu juga, sebagai hadiah kepada semua yang akan mengikuti festival ini, seorang pencerita terkenal dari luar negara telah juga diundang untuk bercerita pada kedua-dua hari program dengan menggunakan salah satu cerita di dalam buku iaitu *The Day Boy Saved Putrajaya* yang ditulis dan diilustrasikan oleh CK Koh. Pencerita antarabangsa ini sangat popular dan sehingga kini mempunyai lebih 100 juta tontonan dalam saluran YouTube beliau. **WK**

Festival Bercerita Putrajaya 2021 menyediakan platform di mana penulis/illistrator sendiri akan bercerita. Mereka yang akan mengambil bahagian pada Festival ini ialah:

#### Sabtu 20 Mac 2021

1. Lim Lay Koon dengan cerita *The Naga of Putrajaya*
2. Heidi Shamsuddin dengan cerita *Putrajaya and the Fairy of Perang Besar*
3. Mahaya Mohd Yassin akan berpantun Putrajaya Kebanggaan Kita
4. Maslina Md. Nor dengan cerita Uning .....

#### Ahad 21 Mac 2021

5. Naemah Ismail dengan puisi *Wetland Putrajaya Gemilang*
6. Teoh Choon Ean dengan cerita *The Butterfly*
7. Mohana Gill dengan cerita *The Glamour of Putrajaya*
8. Nor Azhar Ishak dengan cerita *The Putrajaya Ducks Cruise Adventure*

Penyertaan untuk mengikuti festival ini adalah percuma dan pautan secara zoom untuk mengikuti program festival ini ialah :

<https://zoom.us/meeting/register/tJAICousqj4tGtEt3ScKNPEyqp3W0Ox-F4Xg>

atau imbas QR Code yang disertakan di poster festival.

Penyertaan dan tontonan melalui *fb live* juga disediakan di alamat :

<https://www.facebook.com/unisel.library>



**20 MAC 2021, SABTU  
3.00-5.00 PETANG**

**21 MAC 2021, AHAD  
3.00-5.00 PETANG**

**THE NAGA OF PUTRAJAYA | PUTRA JAYA AND THE FAIRY OF PERANG BESAR  
PUTRAJAYA KEBANGGAAN KITA | WETLAND PUTRAJAYA GEMILANG | THE BUTTERFLY  
THE GLAMOUR OF PUTRAJAYA | THE PUTRAJAYA DUCKS CRUISE ADVENTURE**

**f LIVE <https://www.facebook.com/unisel.library>**

ANJURAN BERSAMA



SIARAN SECARA ZOOM  
SILA IMBAS KOD INI

<https://zoom.us/meeting/register/tJAICousqj4tGtEt3ScKNPEyqp3W0Ox-F4Xg>



# Sarat elemen positif, pengorbanan frontliner

## AJL 35 bukan hiburan kosong



DEEL ANJER

**B**ARU-BARU ini terdapat sesetengah warga net mendakwa acara hiburan seperti Anugerah Juara Lagu ke-35 (AJL 35) sesuatu yang tidak berfaedah dan hanyalah hiburan kosong semata-mata.

Sedangkan jika dihayati keseluruhannya, AJL 35 menonjolkan pengorbanan petugas barisan hadapan (frontliner), mengingatkan rakyat tentang perjuangan menentang COVID-19 dan

semua yang terlibat mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Bukan itu sahaja, lagu, persembahan dan kisah finalis sendiri turut mengandungi mesej-mesej positif yang boleh diambil sebagai pengajaran.

Tahniah buat lagu Gila yang menjuarai AJL 35, Semalam sebagai naib juara dan Belenggu Rindu di tempat ketiga.

Manakala Zizi Kirana memenangi Persembahan Terbaik dan Ernie Zakri dinobatkan sebagai penerima Persembahan Vokal Terbaik.

## Arwah nenek inspirasi Ernie Zakri



**PEMENANG** kategori Persembahan Vokal Terbaik AJL 35 menerusi lagu Gundah, **Ernie Zakri**, 28, mengaku antara inspirasi dalam hidupnya adalah arwah neneknya, Rokayah Abdullah.

"Ramai yang bertanya tentang baju ini. Banyak kata-kata dan komen yang mencuit hati saya. Ya, baju ini saya 'pay homage' kepada Allahyarhamah Rokayah Abdullah, nenek saya."

"Nenek berasal dari Melaka, gemar memakai kebaya, bercinta dengan atok awal tahun 50-an. Tentu ada sebab dan kisah di sebalik baju-baju yang saya peragakan."

"Banyak cerita yang saya sampaikan kepada pereka baju ini iaitu Amaze dan sekali lagi mereka berjaya menyampaikan 'jiwa' lagu ini."

"Nasihat saya kepada masyarakat di luar sana, hargailah insan tersayang masih ada dalam hidup kita. Kepada yang telah pergi, kita hanya mampu mendoakan agar mereka bahagia di alam sana," ujar Ernie Zakri.

ERNIE ZAKRI

## Lagu Gila kisah kerohanian rakyat

**MUNGKIN** ramai yang tidak tahu, lagu Gila yang menjuarai AJL 35 sebenarnya berkait rapat dengan kehidupan kita semua apabila menjalani kehidupan ketika awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila negara dilanda pandemik COVID-19.

Ketika itu, rakyat berada dalam keadaan resah atau bimbang kerana PKP membataskan pergerakan rakyat yang terpaksa duduk di rumah hampir tiga bulan.

Lagu Gila nyanyian Kaka Azraff, Loca B dan Noki ini menceritakan tentang kekuatan diri dalam menangani kegelisahan jiwa dan rasa takut yang menguasai diri masyarakat dalam berhadapan PKP.

Komposer lagu ini, **Ezra Kong**, 33, juga menjelaskan, kisah lagu ini turut tercetus apabila terdapat individu yang tertekan dengan kehidupan di bandar.

"Idea menulis lagu itu saya dapat sewaktu mendapat mesej daripada seorang individu di Instagram. Individu itu berdepan dugaan untuk merantau di mana, dia takut dengan situasi 'gila' di bandar. "Ditambah pula dengan lirik rap tulisan Noki dan Loca B yang hebat serta bergabung dengan Kaka, itulah magis sebenar lagu ini," ujar Ezra.



EZRA KONG (kanan) bersama Kaka Azraff, Loca B dan Noki yang menjuarai AJL 35.



## Wany Hasrita belajar dari pengalaman

**DALAM** hidup ini, pengalaman adalah antara 'guru' yang bagus dalam mematangkan seseorang. Tanpa pengalaman, tidak mungkin kita boleh melakukan sesuatu dengan lebih baik.

Begitu juga dengan penyanyi **Wany Hasrita**, 28, yang mengimbau kembali keadaan dirinya yang berduka kerana persembahannya pada AJL 32.

Malah Wany mengaku

pernah trauma untuk menyanyi secara live dalam program televisyen apabila suara, pakaian dan persembahannya dikecam warganet.

Kini sudah terbukti kemampuan Wany apabila lagu duetnya bersama Datuk Jamal Abdillah dinobatkan sebagai pemenang tempat ketiga di AJL 35.

"Sebelum ini di AJL 32, mungkin saya kurang persediaan, jadi untuk kali ini saya lebih tahu apa yang perlu dirancang dan dilaksanakan. Jadi kali ini semuanya lebih teratur."

"Misalnya kali ini saya banyak mempertingkatkan diri dari segi vokal kerana saya berduet dengan Datuk Jamal Abdillah, saya perlu berusaha untuk mempamerkan vokal lebih baik. Sekurang-kurangnya kami nampak seiring di pentas."

"Jadi, kepada mereka yang pernah gagal atau dikritik sehingga menyebabkan stres, jangan putus asa. Memang tidak mudah untuk bangkit, tetapi siapa lagi nak ubah diri kita kalau bukan kita sendiri," luah Wany.



## Zizi Kirana angkat budaya nusantara

**SETELAH** 11 tahun menunggu, akhirnya penyanyi **Zizi Kirana** berpeluang beraksi di Anugerah Juara Lagu ke-35 (AJL 35) menerusi lagu Eh! ciptaan bersama Navigator.

Apa yang menarik, Zizi atau nama sebenarnya Nur Fazelah @ Zizie Mad Tahlil, 36, yang memenangi kategori persembahan terbaik ini mengangkat budaya tradisional nusantara pada acara berprestij tersebut.

"Dalam persembahan, saya dan pasukan memang nak tonjolkan hip hop nusantara. Jadi apa sahaja elemen nusantara yang sesuai seperti muzik kami masukkan."

"Siapa lagi nak angkat budaya tradisional kita Kalau bukan kita sendiri. Persembahan ini sedikit sebanyak boleh menerapkan rasa cinta terhadap budaya Melayu dalam kalangan remaja. Disebabkan itulah saya selitkan elemen budaya Jawa dan Melayu di Nusantara."

"Kebetulan saya memang ada keluarga dari Indonesia. Jadi saya gabungkan dua budaya Malaysia dan Indonesia."

"Dalam persembahan tersebut, saya juga bawa imej Kanjeng Ratu Kidul. Saya suka dia dan nak jadi macam dia," jelas Zizi yang mengagumi Kanjeng Ratu Kidul iaitu tokoh legenda yang sangat popular dalam kalangan masyarakat Pulau Jawa dan Bali. **WK**

ZIZI KIRANA

# Panggil Aku Melaju, satu semangat yang mengukuhkan Bahasa Melayu kita



**HAFIZUL OSMAN**  
Perancang Bahasa DBP

**B**AHASA MELAYU semakin tenat sekarang. Daripada menjadi sebuah bahasa perantara, lingua franca, kepada ratusan pedagang yang datang berdagang ke Kesultanan Melayu Melaka ketika dahulu, bahasa itu hanya kini menjadi sekadar bahasa sahaja. Tiada lagi semangat untuk menjadikan bahasa itu menjadi sebuah bahasa ilmu yang mampu menaikkan martabat bangsa Melayu di mata dunia.


Mungkin tidak lama lagi, terkuburlah bahasa ini. Kalau tidak pun lenyaplah sudah bahasa ini, bersama-sama identiti bangsa pengguna bahasa ini.

Semangat untuk mengukuhkan bahasa ini, dapat dikutip melalui novel karya Dr. Rahmat Haroun Hashim, Panggil Aku Melaju. Novel-novelnya sebelum ini seperti Di.Ar.Ti, Sentuhan Oedipus, Manuklon dan Fitrah Kimiawi banyak memaparkan bidang perubatan sambil digabungkan dengan

pelbagai disiplin lain seperti undang-undang, kejuruteraan, psikologi dan sebagainya menjadikan novelnya sangat menarik dan seronok dibaca. Boleh dikatakan, Dr. Rahmat Haroun Hashim merupakan pelopor kepada novel ilmu sains perubatan dan teknologi yang lebih mendalam dan kreatif di Malaysia.

Berbalik kepada Panggil Aku Melaju, penulis cuba untuk memaparkan permasalahan yang berlaku di negara kita dalam isu bahasa Melayu dengan penuh sinis. Dimulai dengan latar zaman Batu yang menyaksikan bagaimana bahasa

Melayu bermula daripada sebuah pulau di selatan China bernama Ilha Formosa ataupun dikenali dengan nama Taiwan pada hari ini. Perlahan-lahan bahasa itu bergerak ke Filipina, Borneo, Sumatera dan akhirnya ke Tanah Melayu. Bahasa Melayu berkembang sedikit demi sedikit menjadi sebuah bahasa yang menarik dan mampu bergabung dengan bahasa-bahasa luar seperti bahasa Sanskrit, Buddha, Arab dan kini bahasa Inggeris. Namun, latar zaman Batu itu diselang-selikian dengan penemuan Mr.X, yang menjadi pesakit misteri di Institut Mental Negara



(IMN) di Hospital Besar Kuala Lumpur (HKL). Penulis menggunakan kepakarannya dalam bidang perubatan, memberikan ulasan yang rinci mengenai setiap aktiviti yang berlaku di IMN dalam bahasa perubatan.

Novel ini terus bergerak secara konvensional dengan kewujudan pembunuhan bersiri yang digelar HKL Killer, yang telah membunuh beberapa orang pesakit di sekitar HKL. Jika ada di antara pembaca pernah melihat siri penyiasatan seperti Crime Scene Investigation (CSI), NCIS dan Criminal Minds, Dr. Rahmat Haroun Hashim memberikan pengalaman tersebut dalam novelnya kali ini. Walaupun tidak banyak tetapi pengalaman itu tetap memberikan impak yang menarik dalam novel ini sehingga menimbulkan pelbagai spekulasi menjadikan penghuni baru IMN, Mr.X sebagai suspek utama pembunuhan itu.

Ironinya, dia merupakan seorang ahli akademik lulusan kedoktoran, Dr.Ridzuan. Dia menjadi seorang abnormal hanya semata-mata ingin menjelaki asal usul bangsa dan

bahasanya melalui cara delusi. Yang menjadi tarikan utama ataupun klimaks dalam novel ini, apabila Dr. Ridzuan berdebat dengan Dr.Fakarudin, rakannya di ATMA, UKM mengenai pandangan mereka berdua terhadap isu perkataan 'Melayu'. Dr. Ridzuan membentak tidak mahu dipanggil ORANG MELAYU tetapi mahu dipanggil MELAJU dengan alasan sebegini: "Kita mesti kaji asal perkataan Melayu itu sendiri. Perkataan Melayu adalah suatu kata nama yang berasal daripada kata sifat 'melayu'.

Layu bermakna tidak segar, tidak bertenaga dan tidak aktif. Semua konotasi negatif ada pada perkataan melayu yang ditanam tak sonomi dahulukala.

Setiap anak Melayu yang lahir dipanggil Melayu. Perkataan itu menimbulkan 'brain imprinting' sejak bayi lagi. Apabila kanak-kanak itu mulai faham makna sebenar melayu itu, dia membentuk personaliti dirinya dengan asosiasi keadaan kelayuan itu sendiri dan mengambil sikap yang sesuai dengan panggilan yang diberikan. Lantaran itu kanak-kanak Melayu sukar untuk mengorak langkah untuk memajukan diri sebagai bangsa pesaing yang gigih" – petikan dari halaman 297.

Hujahan Dr. Ridzuan tidak terhenti di situ. Kemudian, dia berdebat dengan Dr.

Shukri, timbalan Pengarah IMN mengenai pengaruh yang dimainkan oleh bangsa penjajah untuk membentuk jati diri sesuatu kaum yang mereka jumpa ketika zaman kolonialisme dulu. Bangsa Melayu turut termasuk sekali.

"Perkataan Malay berasal dari dua suku kata. Secara semantiknya, keadaan kegerringan itu dalam bahasa Greko – Latin adalah *malaise*. Huruf i dan y dalam tradisi tulisan Eropah silih berganti. Bila y dalam Malays itu digantikan dengan huruf i, lalu menjadi malais. Akhirnya dalam evolusi dan fonetik Melayu, sebutannya menjadi malas." – petikan dari halaman 346.

Secara kesuruhan, novel ini mengajak pembaca terutamanya kaum Melayu agar sedar asal usul mereka. Bahasa adalah anugerah daripada Allah SWT dan sudah menjadi kewajipan kita untuk memeliharanya. Ini bukan bermakna kita meninggalkan bahasa antarabangsa, tetapi kita mengekori bahasa itu di samping memantapkan penguasaan bahasa sendiri.

Orang Melayu adalah bangsa yang fleksibel, kita boleh menguasai dan bercampur dengan bangsa-bangsa lain demi mewujudkan kesepakatan ummah berlandaskan hukum Islam seterusnya mampu menjadi bangsa yang unggul di masa hadapan. **WK**

**DEWAN BAHASA**

**DEWAN SASTERA**

**SILA IMBAS KOD QR UNTUK MEMBACA VERSI PDF MAJALAH DEWAN BAHASA DAN DEWAN SASTERA SECARA PERCUMA.**

DEWAN BAHASA

DEWAN SASTERA

## SAJAK

### INSTALASI KEHIDUPAN

Kita sebenarnya sedang membaca rahsia tanpa apa-apa sambil dikejar oleh waktu yang gerhana bila seluruh mata akal tenggelam di dasar sehelai peta dan seenggam suara.

Apakah benar, jawapan di batu batu waktu atau barangkali ada sandiwar pentasnya, kita!

Sambil mengupas makna baca, aku bagi dikejar oleh patung patung perang di dalam mimpi yang berkaca.

Kita sebenarnya menunggu apa, ini awan, bukannya, pulau.

**M. SYAZWI**  
Balai Seni Negara

Jom Hipicking di Chimney Walking Trail

# PL sokong usaha jaga kelestarian alam



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**ERBADANAN Labuan (PL) komited dalam memberikan kerjasama dan sokongan kepada pelbagai pihak bagi memastikan kelestarian khazanah alam bersih.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman** berkata dalam ucapannya, pihaknya sentiasa memberikan kerjasama dalam menjaga serta memulihara khazanah negara disamping itu juga ia dapat meningkatkan nama Labuan dalam industri pelancongan.

"PL menyokong penuh usaha pelbagai pihak untuk memastikan Labuan ini sentiasa bersih."

Beliau berkata sedemikian dalam majlis anjuran Jabatan Muzium Labuan dalam program "Jom Hipicking di Chimney Walking Trail" di Muzium Chimney, pada



MAHATHIR (tiga dari kanan) bersama wakil-wakil agensi yang menyertai program Jom Hipicking di Chimney Walking Trail.



MAHATHIR (kiri) mewakili Fary merasmikan program Jom Hipicking di Chimney Walking Trail "di Muzium Chimney, pada Sabtu lalu.

Sabtu lalu.

Ucapan beliau dibacakan oleh Pegarah Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian PL, Mahathir Abdul Hamid.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Penyiaran Labuan, Aminah

Samsudin.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Muzium Labuan, **Che Rohana Hussien** berkata, kempen itu adalah satu wadah bagi mendidik komuniti dalam menjaga alam sekitar di Labuan.

"Kita juga turut ucapkan terima kasih kepada kumpulan Eco-Alfa Go SMK Mutiara yang mempunyai inisiatif dan inovasi dalam membantu memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam se-

kitar serta bangunan bersejarah," katanya.

Terdahulu, kempen itu turut disertai seramai 80 orang peserta yang membabitkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. **WK**

## Balu bekas pesakit COVID-19, terima bantuan RM5,000

**BALU** kepada pesakit COVID-19 menerima bantuan Tabung Khas COVID-19 sejumlah RM5,000 daripada kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), baru-baru ini.

Penyerahan sumbangan itu diselaraskan oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM) dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan.

Bong Siew Lan,66, balu kepada mangsa pandemik itu mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas sumbangan yang telah disalurkan.

Difahamkan, suami beliau telah meninggal dunia akibat pandemik itu pada bulan Oktober tahun lalu.

Sementara itu, Pengurus JPBD Labuan Rithuan Mohd Ismail berkata, sumbangan

itu merupakan sumbangan daripada pihak kerajaan selaras dengan prinsip kerajaan yang prihatin bagi membantu keluarga atau waris mangsa yang terkorban disebabkan pandemik itu.

"Setakat ini di Labuan telah merekodkan sebanyak 13 kes kematian akibat COVID-19, tiga waris telah menerima sumbangan itu dan manakala 11 waris akan menerima bantuan itu dalam masa terdekat secara berperingkat-peringkat," katanya.

Beliau berkata sedemikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan itu disini, pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Labuan, Mejar (PA) Zico Sual. **WK**



RITHUAN (hujung kanan) menyerahkan cek bantuan Bantuan Khas Pengurusan Kematian Tabung COVID-19 kepada Bong Siew Lan, pada Sabtu lalu.



AMIR (kiri) menyerahkan cenderahati kepada Pengurus SKMM selepas mengadakan kunjung hormat di Ibu Pejabat SKMM di Selangor, baru-baru ini.

## PL, SKMM berkerjasama jadikan Labuan sebagai 'Smart Island'

SATU Jawatankuasa Khas diwujudkan bagi merealisasikan usaha untuk menjadikan Labuan berstatus 'Smart Island' atau Pulau Pintar.

Menurut Pengurus PL, **Datuk Seri Amir Hussein**, Jawatankuasa Khas itu akan membabitkan kerjasama pihak Perbadanan Labuan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Kerjasama itu dilaksanakan bertujuan membincangkan mengenai kesinambungan projek internet di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Kita telah menekankan tentang kepentingan talian internet tetap dan 'network coverage' dari 'operator celular' yang lebih menyeluruh dan pantas seiring dengan gaya komunikasi moden.

"Pelan perancangan inisiatif jende-

la demi mencapai objektif utama iaitu menjadikan Labuan sebagai sebuah pulau yang berstatus 'Smart Island'.

Beliau berkata sedemikian dalam satu kenyataan di laman Facebook PL selepas mengadakan kunjung hormat ke Ibu Pejabat Pengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek di Selangor, baru-baru ini.

Jelas beliau lagi, perkara itu perlu dipandang secara serius agar memastikan kemudahan kecapaian internet itu dapat diakses dengan mudah oleh masyarakat di pulau ini.

Justeru itu, beliau berharap usaha itu dapat merealisasikan segala perancangan yang telah diatur untuk Labuan demi keselamatan dan keselesaan warga pulau ini. **WK**

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

1 Komuniti 1 Kitar Semula diwujudkan di semua PPR/PA

# Tukar sampah kepada barang makanan

SYAHIDI BAKAR

**PELBAGAI** jenis kempen serta program dilaksana untuk membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan rakyat, terutama di Kuala Lumpur, kota metropolitan pesat membangun, baik dari aspek bilangan penduduk maupun ekonominya.

Fokus terhadap budaya hidup sihat, bersih dalam persekitaran hijau bukan sahaja dapat mengawal pencemaran bumi, malah mengurangkan kadar penghasilan sampah yang ketika ini sangat tinggi penjanaannya setiap hari.

Datuk Bandar Kuala Lumpur **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata, perkara tersebut merupakan salah satu faktor mendorong terhasilnya program Kios 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) dilancar untuk

menggiatkan kempen kitar semula dan menjaga kebersihan dalam kalangan warga kota.

Beliau berkata, walaupun terdapat pelbagai jenis kempen kesedaran pembudayaan amalan kitar semula setakat ini, namun sikap mencintai alam sekitar masih kurang memberangsangkan dalam kalangan rakyat.

"Justeru, Program 1C1R ini berkonsepkan sistem barter, barang-barang kitar semula yang dikumpul boleh ditukar dengan produk keperluan asas lain antaranya seperti gula, susu, tepung dan minyak masak, mengikut mata ganjaran yang diperolehi.

"Pendekatan diambil untuk menggalakkan warga kota menyertai kempen kitar semula seterusnya menyumbang kelestarian alam sekitar," katanya dalam program Kios 1C1R di Projek

Perumahan Rakyat (PPR) Seri Alam, Sungai Besi, pada Sabtu.

Kewujudan kios 1C1R adalah sebahagian usaha proaktif diambil DBKL yang selari Pelan Tindakan Kuala Lumpur Bersih Indah dimulakan di PPR Seri Alam sebelum diperluas ke kawasan lain sebagai galakkan kepada komuniti mengamalkan budaya kitar semula di samping menjana ekonomi.

Dalam pada itu, Mahadi menjelaskan, Kios 1C1R turut dilengkapi kemudahan aktiviti kitar semula dan seunit mesin kompos bagi memproses siswa pepejal hasil kerjasama DBKL dengan pihak Alam Flora Sdn Bhd.

Selain itu katanya, Program 1C1R turut dijalankan secara pandu lalu di PPR dan Perumahan Awam (PA) secara berkala yang dijadualkan setiap dua kali dalam sebulan.

"Jadi, objektif kita ialah Kios



MAHADI Che Ngah memasukkan botol plastik ke dalam mesin kompos untuk dikitar semula pada program pelancaran Kios 1C1R di PPR Seri Alam, Kuala Lumpur.

1C1R ini berperanan sebagai kios statik membudayakan kitar semula dengan pemberian insentif dalam bentuk barang keperluan asas kepada komuniti setempat bagi setiap sisa buangan yang dikitar semula.

"Program ini juga adalah sebahagian dari Inisiatif Program

Wilayah Prihatin kerana kadar tukaran barang asas oleh komuniti secara purata, 40 peratus ditanggung DBKL jadi ia meningkatkan kesedaran awam berkenaan amalan kitar semula di rumah dan menggalakkan pengasingan sisa yang boleh dikitar semula," katanya. **WK**

# Anak Muda Seputeh agihkan sumbangan orang muda

**PRIHATIN** dengan nasib segelintir golongan yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19, mendorong Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Kelab Anak Muda Seputeh tampil menghulurkan sumbangan kepada warga memerlukan.

Pengerusinya **Nur Hafies Wahid** berkata, program agihan bakul makanan dianjur dengan kerjasama kariah Masjid Al-Muhsini, Taman Desa dan pihak Pentadbiran Masjid & Surau Zon 5 JAWI, adalah untuk membantu kalangan anak muda setempat yang turut berdepan kesukaran kewangan.

"Tujuan kami adalah memberikan bakul makanan kepada ahli kariah masjid dan surau terutamanya anak muda di Seputeh yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19. Jadi dengan ada barang keperluan harian disampaikan, dapat ringankan beban kewangan mereka."

"Selain itu, kami Kelab Anak Muda Seputeh turut serahkan sedikit tajaan pewangi tandas kepada Pengurus Masjid dan Surau untuk kegunaan di surau dan masjid kariah masing-masing," katanya.



CHE Khalek melakukan simbolik serahan bantuan Bakul Makanan kepada Nur Hafies dalam program bantuan di Masjid Al-Muhsini, Taman Desa.

Program dimulakan seawal pukul 9.00 pagi telah dirasmikan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid (JAWI), Che Khalek Abdullah sambil diiringi Pegawai Belia dan Sukan Seputeh, Mohd Anazem Ibrahim dan Pegawai Pendaftar Zon 5, JAWI, Mohd Arif Abdul Samat.

Sementara itu, Nur Hafies menyeru orang ramai maupun syarikat berkemampuan untuk

tampil membantu komuniti yang memerlukan.

"Sekiranya mereka mahu menyumbang dana bagi kami salurkan bantuan kepada komuniti, boleh berbuat demikian dengan menyumbang ke Akaun CIMB Bank Kelab Anak Muda Seputeh bernombor 86-0447436-2 seikhlas yang mungkin," katanya yang komited untuk mengerakkan bantuan Dari Anak Muda Kepada Anak Muda. **WK**

# MPP BTR dekati golongan penjaja

**DENGAN** objektifnya mendekatkan pemimpin di hati rakyat, Majlis Perwakilan Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 5, Bandar Tun Razak mengambil inisiatif tersendiri dengan cara menganjurkan program santai tanpa mengabai SOP yang ditetapkan.

Program Ramah Mesra Bersama Pemimpin dan Penjaja Program KL Prihatin, diadakan di sekitar Lake Fields, Sungai Besi bagi mendekati peniaga sambil mengambil maklum perkara yang hadapi oleh mereka.

Menurut Pengerusi MPPWP Sub Zon 5, **Farouk Mohd Noor**, program

dianjurkan pihaknya dengan kerjasama Penjaja KL Prihatin Laman Redup Lake Fields serta DBKL Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak, adalah salah satu daripada pendekatan turun padang bertemu dan menyantuni golongan sasar rakyat.

"Alhamdulillah, terima kasih kepada Ahli Parlimen Bandar Tun Razak juga Timbalan Menteri Luar, Datuk Kamarudin Jaffar yang sudi hadir dan juga meluangkan masa beramah mesra dengan para penjaja di sini."

"Selain melawat penjaja program KL Prihatin, YB Timbalan Menteri turut menyampaikan topeng

pelitup muka dan hand sanitizers kepada hampir keseluruhan penjaja yang berniaga. Ini adalah antara pendekatan santai untuk mendekati rakyat sambil menunjukkan kepimpinan negara sentiasa prihatin terhadap keperluan mereka," katanya.

Kamaruddin yang diiringi Pegawai Tugas-tugas Khas, Kuek PG meluangkan masa hampir sejam untuk bertanya khabar dan perkembangan para penjaja di kawasan itu sambil mengingatkan setiap mereka mematuhi SOP ditetapkan untuk mengelak sebarang isu berbangkit. **WK**



KAMARUDDIN meninjau gerai jualan minuman yang diusahakan oleh seorang penjaja yang mengikuti program Wilayah Bebas Berniaga (WIBB) di Lake Field, Sungai Besi.

**Soalan**

**A** ssalamualaikum SS Datuk Mufti, saya ada soalan berkenaan jual beli ketika Jumaat.

Dalam suasana COVID-19 dan pelaksanaan PKP ini, aktiviti-aktiviti di Masjid termasuklah solat Jumaat terpaksa ditutup akibat daripadanya.

Maka jual beli ketika waktu Jumaat ini, adakah dibenarkan atau bagaimana? Mohon pencerahan.

**Jawapan**

Waalaikumussalam wbt. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah di atas segala nikmat dan kurniaNya. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda SAW hingga ke Hari Akhirat.

Kami mulakan kalam ini dengan firman Allah SWT:

**Maksudnya:** "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."

*Surah al-Jumu'ah (9)*

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menyatakan suruhan kepada setiap lelaki muslim yang mukallaf, agar segera menuju ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat.

Pada masa yang sama, ia juga menjelaskan larangan daripada melakukan sebarang transaksi jual beli ketika itu.

Menurut Imam al-Qurtubi, larangan itu ditujukan khusus kepada mereka yang melaksanakan kewajipan solat Jumaat.

Manakala bagi mereka yang tidak diwajibkan pula, jual beli tersebut adalah tidak dilarang. [Lihat: *Tafsir al-Qurtubi*; 18/107].

Rasulullah SAW telah menjelaskan dalam sebuah hadith mengenai golongan yang tidak diwajibkan solat Jumaat ini. Baginda bersabda :

"Solat Jumaat adalah tanggungjawab yang wajib atas setiap orang Islam secara

# Hukum jual beli waktu Jumaat di musim COVID-19

berjemaah melainkan kepada 4 golongan iaitu hamba yang dimiliki, perempuan, kanak-kanak dan orang sakit."

*Riwayat Abu Daud (1067)*

Oleh itu, jelas di sini bahawa larangan jual beli tersebut hanya ditujukan kepada individu lelaki muslim yang diwajibkan solat Jumaat.

Sekiranya individu tersebut bukanlah dalam kalangan mereka yang diwajibkan Jumaat, Imam al-Nawawi berkata:

**Maksudnya:** "Sekiranya dua orang lelaki yang tidak diwajibkan solat Jumaat melakukan transaksi jual beli sesama mereka berdua, maka ia tidak diharamkan pada masa Jumaat dan tidak pula makruh." [Lihat: *al-Majmu' Syarh al-Muhaazzab*; 4/500]

Seperti yang sedia maklum bahawa tiada larangan untuk melakukan jual beli sebelum gelincirnya matahari pada hari Jumaat dan juga selepas selesai menunaikan solat Jumaat.

[Lihat: *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*; 1/500].

Ini juga berdasarkan firman Allah SWT :

**Maksudnya:** Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

*Surah al-Jumu'ah (10)*

Menerusi ayat di atas, 'illah ataupun sebab yang mengharamkan urusan jual beli pada waktu ini adalah suruhan agar segera bergerak ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat.

Terdapat beberapa pandangan daripada sarjana Islam klasik dan kontemporari berkenaan hal ini. Menurut Imam al-Razi yang menukilkan pandangan daripada al-Farra', diharamkan jual beli ini adalah ketika bermulanya laungan azan bagi solat Jumaat.

[Lihat: *Mafatih al-Ghayb*; 30/542].

Sementara menurut Imam al-Tabari pula, pengharaman ini terjadi sebaik sahaja khutbah



JUAL beli ketika waktu Jumaat di musim COVID-19 adalah harus dan dibolehkan.

Oleh itu, hukum berjual beli ketika waktu Jumaat sepanjang pelaksanaan PKP ini juga menjadi harus dan dibolehkan.

Namun begitu, pihak kami ingin menasihatkan kepada kaum muslimin sekalian, agar tetap menghormati waktu berlangsungnya solat Jumaat walaupun tidak berpeluang untuk menunaikannya.

Sewajarnya masa tersebut tidak diisi dengan perkara yang sia-sia seperti melepak, merayau dan berpeleseran di tempat-tempat yang terbuka. Sebaliknya, gantikanlah ia dengan pelaksanaan solat fardhu Zohor, tazkirah, tilawah al-Quran, zikir dan doa di tempat masing-masing.

Hormatilah waktu tersebut dengan melaksanakan amalan-amalan kebaikan yang mendatangkan pahala di sisi Allah SWT.

Wallahu'lam.

untuk mengingati Allah SWT dengan mendengar khutbah serta menunaikan solat Jumaat.

Imam Ibn Qudamah menyebut di dalam kitabnya:

"Sesungguhnya Allah SWT ketika melarang daripada melakukan jual beli melalui suruhannya agar bersegera (ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat), maka bagi selain daripada mereka yang disuruh tidak terkena hukum larangan ke atas mereka, kerana pengharaman ataupun larangan jual beli adalah disebabkan oleh apa-apa yang mendatangkan kesibukan dan gangguan daripada Jumaat, dan perkara ini nyata tidak terpakai ke atas mereka."

[Lihat: *al-Mughni*; 2/220]

Walau bagaimanapun, pembukaan masjid dan surau pada kapasiti yang minimum sepanjang tempoh PKP ini menyebabkan ramai kaum muslimin yang mukallaf terlepas peluang untuk menghadiri solat Jumaat di kawasan masing-masing.

Secara tidak langsung, hukum kewajipan solat Jumaat juga telah terangkat daripada mereka dalam tempoh ini.

## SAJAK

### DI KOTA WILAYAH KAMI

Inilah kota riwayat kami rendangnya pepohonan anugerah jalan putih yang cerah ada tanga-tanga waktu bersusun nawaitu dan sepatu.

Kota ini rumah seni kami kami membina gunung minda di dalamnya kudrat menyala hasrat disalai oleh impian melangkah ke gerbang harapan.

Kota ini adalah tradisi berani kita sedang memahat gemilang ini pisau ukir sepakat setiakawan membentuk berkat.

Ini kota kami harum di hati kota cahaya dari akal bijaksana wilayah tempat bertemunya perjuangan menimba laut kehidupan.

Kamilah warga setia yang cinta, mekar tumbuhnya bebunga kota.

Solihin Osman  
Dangau Seni

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Mahu harumkan nama Labuan dalam boling padang

# Adlin idam sertai skuad negara

AINI MAWAWI

**H**AMPIR sembilan tahun aktif dalam sukan boling padang, atlet Wilayah Persekutuan, Adlin Sakinah Roslan, 19, mula mengintai peluang untuk menyertai skuad boling padang negara demi masa hadapannya.

Baginya, dengan meletakkan harapan tersebut sebagai penanda aras dalam arena sukan yang dicintai, dia akan sentiasa meningkatkan usaha dari semasa ke semasa sehingga menjadi atlet terbaik.

"Saya pasti bukan saya sahaja yang ingin bergelar pemain negara tetapi setiap atlet sudah semestinya bercita-cita untuk berada di tahap tersebut. Kalau boleh saya ingin mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa."

Pada masa sama, saya ingin membanggakan warga Labuan seperti salah seorang atlet Labuan yang juga merupakan pemain boling padang wanita negara, Nur



Ain Nabilah Tarmizi. Dia bukan sahaja berjaya dalam sukan bahkan seorang pelajar yang bijak," ujar Adlin.

Bercerita lanjut kepada Wilayahku, anak ketiga daripada empat orang adik-beradik ini berkata, dia kini dalam persiapan untuk menyertai SUKMA Johor 2022 pada tahun hadapan.

"Biarpun lambat lagi tetapi perlu bersedia daripada sekarang. Sukan ini biarpun nampak mudah dari segi luaran namun kita perlu rajin berlatih untuk memastikan persempahan yang terbaik."

"Setakat ini, saya berlatih empat kali seminggu dan akan menghabiskan satu hari di gimnasium untuk memastikan stamina di tahap optimum," ujarnya yang mengakui boling padang memerlukan kekuatan dari segi mental.

Anak kepada bekas atlet SUKMA, Roslan Zaini ini mengakui dia mahu membaiki pencapaian dalam Kejohanan Terbuka Tiger Ball yang pernah disertai dua ta-



ADLIN (kanan) mahu bergelar jurulatih boling padang satu hari nanti.

hun lalu.

"Ketika itu skuad berkumpulan terpaksa berpuas hati berada di Top 16. Insya-Allah pada masa akan datang, sekurang-kurangnya selesa

pada kedudukan tiga teratas.

"Biarpun begitu, banyak pengalaman yang dapat dikutip sepanjang menyertai kejohanan tersebut. Lebih-lebih lagi ber-

## Pencapaian Adlin Sakinah

**2019 Kejohanan Terbuka Tiger Ball, Macau dan Shenzhen**  
- Top 16

**2018 SUKMA Perak**  
- 1 Emas (Beregu)

**2018 Kejohanan Bimp Eaga, Brunei**  
- 1 Emas (Perseorangan), 1 Emas (Beregu)

**2017 Labuan Open Pairs**  
- Johan

Instagram : [dlleennn](#)  
Facebook : [adlinsakinah](#)

peluang bersama-sama atlet luar negara yang lain. Jika mahu berjaya, perlu rajin mengikuti kejohanan di luar negara," kata Adlin. **WK**



TONY FERNANDES (kanan) semasa sidang akhbar berhubung lanjutan perjanjian penggunaan Stadium Nasional Bukit Jalil sebagai 'Rumah Harimau Melayu' bagi tempoh lima tahun akan datang.

## Tony Fernandes sedia kemudi MFL

KETUA Pegawai Eksekutif (CEO) AirAsia Group Bhd, **Tan Sri Tony Fernandes** bersedia untuk menerajui Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) jika di calonkan bagi menggantikan Datuk Hamidin Mohd Amin.

Pemilik Queen Park Rangers (QPR) itu berkata sebagai seorang peminat bola sepak, sudah tentu beliau mahu menyumbang kepada pembangunan bola sepak tempatan jika dipilih menyandang jawatan Presiden MFL pada masa hadapan.

"Sudah tentu saya mahukannya, saya sayangkan bola sepak, saya sayangkan Malaysia dan saya harap dapat menyumbang sesuatu," katanya pada sidang media di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Selasa.

Terdahulu, Tony yang

juga Penggerusi Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) menandatangi Lanjutan Perjanjian dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) menjadikan Stadium Nasional sebagai gelanggang rasmi skuad Harimau Melayu hingga 31 Dis 2025.

Hamidin yang menang tanpa bertanding sekali gus mempertahankan jawatannya sebagai Presiden FAM pada Sabtu lepas, mahu melepaskan jawatannya sebagai Presiden MFL.

Sementara itu, Hamidin menyerahkan kepada Lembaga Kontinen Malaysia ke Sukan SEA 2021, berkata pihaknya belum menetapkan sebarang sasaran untuk skuad bola sepak Bawah-19 yang bakal bersaing di temasya dwitahunan itu hujung tahun ini. - **BERNAMA**

sepak, mungkin beliau seorang daripada calon, itu saya tidak pasti. Biarlah mereka (Lembaga Pengarah) bincang, calon bukan datang daripada saya," katanya.

Mengenai kriteria calon, Hamidin berkata individu berkenaan mestilah seorang yang memahami bola sepak selain berdaya saing dan mempunyai idea baharu untuk membangunkan sukan nomor satu negara itu ke tahap lebih tinggi.

Dalam perkembangan lain, Hamidin, yang juga Ketua Kontinen Malaysia ke Sukan SEA 2021, berkata pihaknya belum menetapkan sebarang sasaran untuk skuad bola sepak Bawah-19 yang bakal bersaing di temasya dwitahunan itu hujung tahun ini. - **BERNAMA**

## Hoki: Maybank kekalkan rekod bersih selepas tiga perlawanan

**MAYBANK** mengekalkan rekod bersih selepas tiga perlawanan untuk terus mengukuhkan kedudukan teratas carta Liga Hoki Malaysia (MHL) dengan sembilan mata.

Pada perlawanan hari ini, dua pukulan sudut penalti oleh Muhammad Najmi Farizal Jazlan pada minit ke-10 dan 37 membantu Maybank mengalahkan Nurinsafi 4-0 pada aksi yang berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Muhammad Haziq Samsul dan Hafiz Hafiz Hanafi masing-masing meledak gol padang pada minit ke-32 dan 44 bagi membantu pasukan itu membawa pulang tiga mata penuh.

Keputusan itu menyaksikan Maybank memulakan musim liga dengan langkah kanan dengan membela TNB Thunderbolts 5-0 pada Khamis lalu diikuti kemenangan tipis 1-0 ke atas

Universiti Teknologi Mara (UiTM) dua hari kemudian.

Ketua jurulatihnya **Azrul Effendy Bistamam** berkata, anak buahnya sekali lagi memulakan aksi dengan rentak perlahan sebelum mendapatkan semangat selepas jaringan gol kedua.

"Kita berjaya menggunakan kesempatan dan peluang yang ada untuk jaring gol, walaupun terlalu berhati-hati pada awal. Setakat ini, puas hati dengan pemain-pemain saya, tiga aksi ini adalah untuk kita pungut mata dan bina keyakinan pemain bahawa kita boleh dapat sesuatu (piala) untuk tahun ini," katanya.

Azrul, bagaimanapun, mengingatkan anak buanya supaya memperbaiki kelemahan yang dikesan pada perlawanan hari ini dan lebih berwaspada apabila berdepan dengan pasukan Terengganu Hockey Team (THT), Khamis ini. - **BERNAMA**



DUA pukulan sudut penalti Muhammad Najmi Farizal pada minit ke-10 dan 37 membantu Maybank mengalahkan Nurinsafi 4-0 - Foto MHC

Inisiatif bantu pelajar baru ketika COVID-19

# MMU tawar harga yuran istimewa

AFIFAH AFIZAL

**S**ETIAP pelajar berhak menerima pendidikan yang terbaik tanpa perlu risau dan khawatir akan kos yang terpaksa ditanggung ketika belajar atau selepas habis pengajian selak.

Universiti Multimedia (MMU), antara universiti terkemuka di Malaysia kini menawarkan yuran istimewa buat pelajar baharu sesi pengambilan April 2021.

MMU menawarkan yuran pengajian serendah RM6,000 seorang kepada semua pelajar Asasi yang layak kecuali program Undang-Undang.

Selain itu, turut disediakan pengecualian yuran kemasukan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma serta pelajar lepasan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang boleh memohon menggunakan keputusan percubaan.

Presiden MMU, Prof. Dato' Dr. Mazliham Mohd. Su'd ber kata, memandangkan wabak



MAZLIHAM

COVID-19 dan isu kewangan menjadi perhatian para pelajar ketika ini, maka MMU mengambil inisiatif mengurangkan yuran tersebut untuk memastikan para pelajar yang layak, mampu melanjutkan pengajian ke menara gading demi masa depan yang lebih cerah.

"Ia juga sebagai langkah untuk mengurangkan beban kewangan ibu bapa dalam memastikan anak-anak mendapat pendidikan tinggi yang terbaik."

"Walaupun wabak ketika ini menjadi satu kekangan dalam sektor pengajian tinggi, namun inilah masa terbaik untuk mengubah cabaran kepada peluang," katanya dalam satu kenyataan.

Prof. Mazliham turut memberitahu bahawa inisiatif MMU itu menggambarkan komitmen universiti dalam melaksanakan matlamatnya melahirkan tenaga mahir digital masa depan yang dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran tinggi menerusi program



MMU akan mengadakan Hari Terbuka Secara Maya pada 27 dan 28 Mac 2021.

dan sukanan pengajian terkini di MMU.

"Usaha ini adalah sejarah dengan kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (MoHE) yang membenarkan para pelajar lepasan SPM memohon tempat di universiti menggunakan keputusan percubaan SPM."

"Maka, mereka boleh berbuat demikian untuk melanjutkan pengajian di peringkat Asasi dan Diploma di MMU," katanya lagi.

Para pelajar juga boleh

Buat pelajar yang sudah diterima masuk, mereka turut berpeluang memohon APEL C yang membolehkan pengalaman dan pengetahuan terdahulu digunakan untuk mendapat pindah kredit mata pelajaran ke dalam program akademik.

Di samping itu, turut ditawarkan modul pembelajaran Kelayakan Mikro (Micro Credential) buat golongan pekerja yang layak dan berpengalaman untuk pindahan kredit yang akan melayakkan mereka untuk melanjutkan pengajian ke program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) di MMU.

MMU yang ditubuhkan pada tahun 1997, mempunyai dua kampus yang terletak di Cyberjaya, Selangor dan Melaka yang menawarkan program di peringkat Asasi, Diploma, Siswazah dan Pasca Siswazah.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pembelajaran di MMU, hubungi kaunselor MMU di Hari Terbuka Secara Maya pada 27 dan 28 Mac 2021 atau lawarilah laman web MMU di [www.mm.edu.my](http://www.mm.edu.my). WK

# Sarawak bantu pelajar bayar baki pinjaman PTPTN sebanyak 30 peratus

SYAHIDI BAKAR

LANGKAH prihatin diambil oleh kerajaan Sarawak membantu anak-anak kelahiran negeri membayar 30 peratus daripada baki pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), merupakan satu usaha proaktif yang wajar dicontohi.

PTPTN dalam kenyataan berkata, inisiatif diambil atas dasar keprihatinan kerajaan negeri itu untuk membantu 9,000 pemohon yang telah membayar sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keseluruhan pinjaman pendidikan masing-masing.

Kata kenyataan itu langkah dilaksana melibatkan peruntukan RM30 juta, diurus Yayasan Sarawak membolehkan beribu-ribu pelajar anak Sarawak menikmati penyelesaian pembayaran hingga 30 peratus daripada baki pinjaman PTPTN masing-masing.

PTPTN juga katanya, merakamkan penghargaan terima kasih atas inisiatif diambil Kerajaan Negeri Sarawak yang proaktif dan menjadi satu-satunya Kerajaan Negeri yang telah merealisasikannya.

"Peruntukan sebanyak RM30 juta ini merupakan amanah cukup besar dalam usaha Kerajaan Negeri memastikan pemohon PTPTN di dalam kalangan anak Sarawak bebas daripada beleng-



PTPTN memuji langkah kerajaan Sarawak yang membayar 30 peratus baki pinjaman pelajar negeri tersebut.

gu hutang.

"Inisiatif sebegini wajar dicontohi serta dijadikan ikutan oleh Kerajaan Negeri yang lain membantu rakyat khususnya pelajar membayar baki hutang pinjaman PTPTN, sebagai antara tumpuan dalam perancangan Belanjawan Negeri untuk manfaat rakyat," kata kenyataan Isnin.

Untuk maklumat lanjut, para pemohon juga boleh menghubungi Careline PTPTN di 03 - 2193 3000 beroperasi Isnin hingga Jumaat (9pagi - 5petang) atau

melalui Soalan Lazim di Portal PTPTN.

Menurut kenyataan sama, pendekatan menerusi keadaan tersebut bersesuaian dengan senario kini yang dihadapi rakyat akibat kesan dari penularan pandemik COVID-19.

PTPTN juga kata kenyataan itu, sentiasa terbuka dan bersedia bekerjasama dengan mana-mana kerajaan Negeri yang berhasrat merealisasikan inisiatif sebegini dalam memastikan kebaikan para pemohon terpelihara. WK

# GRADUAN mohon kerajaan kurangkan kompaun RM10,000

AFIFAH AFIZAL

SEJAK 11 Mac yang lalu, kerajaan telah mula melaksanakan hukuman denda maksimum sebanyak RM10,000 kepada individu yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Meskipun ia dilihat sebagai langkah yang tepat untuk mengekang penularan COVID-19 namun sebilangan rakyat melihatnya sebagai satu beban kerana jumlahnya yang amat besar.

Persatuan Graduan Muda Malaysia (GRADUAN) meminta kerajaan untuk segera meminda Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dengan mengurangkan kadar kompaun maksimum RM10,000.

Presiden GRADUAN, Lee Seang Hock berkata ramai individu yang dikompaun tidak tahu hak dan cara untuk membuat rayuan pengurangan kompaun.

"GRADUAN menyokong tindakan ketat dijalankan bagi memastikan kelancaran gerak kerja COVID-19 dalam masa akan datang," tegasnya lagi. WK



komunikasi yang berkesan telah menyebabkan isu kompaun ini telah menjadi krisis komunikasi bagi pihak kerajaan.

"Ia juga telah menjadikan kerjasama antara rakyat dan kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19," ujar Lee dalam satu kenyataan.

Selain itu, Lee menyeru agensi-agensi kerajaan untuk memberikan penerangan yang jelas dan menyeluruh kepada rakyat sebelum melaksanakan undang-undang dan dasar baru yang boleh mendatangkan kesan yang besar kepada rakyat.

"Garis panduan penguasaan yang standard harus diwujudkan supaya tidak berlaku isu ketidakadilan atau kadar kompaun yang terlalu berbeza bagi kesalahan sama di kalangan mereka yang dikompaun."

"Sebagai kerajaan yang prihatin, isu ini perlu mendapat penyelesaian segera melalui pendekatan yang prihatin bagi memastikan kelancaran gerak kerja COVID-19 dalam masa akan datang," tegasnya lagi. WK



Adlin idam  
sertai skuad  
negara  
►22

## PEMERKASA bantu pulih ekonomi, ringan beban rakyat - PM

**PERDANA MENTERI** Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelaksanaan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bernilai RM20 bilion bagi membantu rakyat serta memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Muhyiddin mengumumkan pakej baharu itu petang Rabu yang membabitkan suntikan fiskal berjumlah RM11 bilion.

PEMERKASA akan menetapkan lima fokus utama iaitu mengawal penularan COVID-19, memacu pemulihan ekonomi, memperkuuh daya saing negara, memastikan agenda keterangkuman wilayah dan masyarakat serta transformasi ekonomi.

Menerusi PEMERKASA, 20 inisiatif baharu dan sedia ada akan dilaksana menyentuh pelbagai bi-

dang serta usaha bagi mengawal COVID-19, selain memperluas penerima manfaat khususnya kepada kumpulan B40, wanita, belia serta orang kelainan upaya (OKU).

Manakala golongan B40 yang hilang pendapatan akan menerima bantuan tunai sekali beri sebanyak RM500 semestinya penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) berpendapatan RM1,000 ke bawah akan menerima bayaran tambahan sebanyak RM500 mulai Jun ini.

Muhyiddin berkata bantuan melibatkan peruntukan RM1.2 bilion kepada 2.4 juta penerima itu adalah antara inisiatif bagi membantu golongan kehilangan pendapatan.

"Dalam menghadapi cabaran

wabak ketika ini, kerajaan akan terus memelihara kebajikan rakyat terutamanya mereka yang masih terjejas.

"Inisiatif kali ini akan lebih tertumpu kepada golongan rentan, kurang upaya dan mereka yang kehilangan pekerjaan," katanya.

Kedua-dua kategori penerima bantuan berumur antara 21 hingga 60 tahun dan mereka tidak perlu membuat pendaftaran permohonan.

Bantuan akan dibayar ke akaun penerima selepas pengesahan kehilangan pendapatan dan semakan silang dibuat melalui sistem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Individu berstatus bankrap juga akan diberi kelonggaran untuk membuka akaun bank secara dalam talian bagi memudahkan mereka menerima bantuan kerajaan melalui permohonan e-mel kepada Jabatan Insolvensi yang mentadbir kes mereka.

"Sebarang bantuan tunai yang dikreditkan tidak akan mengalami sebarang potongan ansuran bulanan," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga bersatu memanjangkan tempoh kuat kuasa perlindungan bagi ketidakupayaan untuk melaksanakan obligasi kontraktual yang akan berakhir pada 31 Mac sehingga 30 Jun, selain memperluas jenis kontrak yang terlibat.

Bagi menambah baik program bantuan rentan bandar, kerajaan menyediakan peruntukan RM100 ju-

ta untuk program bantuan barang dapur melalui inisiatif pembelian tanpa tunai memanfaatkan 300,000 isi rumah miskin di bandar-bandar utama seluruh negara.

Bagi membantu golongan gelandangan, beliau berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menuju Anjung Kelana di Taman Desa Kuala Lumpur sebagai pusat perlindungan sementara.

Mengenai inisiatif mySalam berhubung COVID-19, Muhyiddin berkata ia telah memfaatkan lebih 70,000 golongan B40 dengan jumlah bayaran RM40 juta.

PEMERKASA bernilai RM20 bilion menumpukan 20 inisiatif strategik bagi melanjukkan pertumbuhan ekonomi, menyokong perniagaan dan meneruskan bantuan bersasar kepada rakyat dan sektor yang masih terkesan. **WK**

Bazar Ramadan dibenarkan

## Warga Putrajaya cadang sistem penggiliran peniaga

**AINI MAWAWI**

**K**EBANYAKAN warga Putrajaya bersyukur dengan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) membenarkan bazar Ramadan tahun ini diadakan namun dengan permatuhan prosedur operasi standard (SOP).

Bagi Nawal Hani Mat Sonan, 36, bazar Ramadan dengan sistem penggiliran adalah yang paling sesuai dalam pasca COVID-19 ini.

"Perlu ada penggiliran peniaga sebagai contoh hari ini kumpulan nombor genap, esoknya nombor ganjil pula. Ini penting bagi memastikan semua yang memohon mendapat peluang untuk bermiaga," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu, menurut **Hafierul Abdul Hafiz, 35**, bazar Ramadan dapat membantu mereka yang hilang pekerjaan mencari sumber kewangan sempena perayaan.

"Bazar tersebut akan membantu merancakkan semula ekonomi. Namun dalam kegairahan tersebut, usah mengabaikan SOP," katanya.

Bagi pekerja swasta, **Siti Nur Shahira Abdul Rahim, 24**, bilangan pengunjung ke bazar perlu dihadkan.

"Tahun lepas ada bazar Ramadan



PENGANJURAN Bazar Ramadan tahun ini akan dilaksanakan dengan SOP ketat dan pembudayaan norma baharu - Gambar fail



dengan SOP yang ketat. Jadi saya rasa orang ramai sudah biasa dengan situasi tersebut. Cuma, perlu pastikan dengan tepat jumlah pengunjung dalam satu-satu masa bagi menghalang daripada berhimpit dalam ruang yang sempit," ujarnya.

Muhammad Najmi Abu Bakar, 24, pula berpandangan bazar merupakan

antara alternatif bagi mereka yang bekerja dan tiada masa untuk menyiapkan juadah berbuka.

"Bagi saya tiada masalah selagi mana setiap daripada kita patuh dengan sop dan mengamalkan norma baharu. Jaga diri dan ingat orang tersayang," katanya.

Terdahulu, MKN bersatu membenarkan penganjuran bazar Ramadan, solat terawih berjemaah dan bazar Aidilfitri di seluruh negara sepanjang Ramadan ini dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. **WK**

## AJL35: Aina terkilan menang tanpa keraian

**DEEL ANJER**

**PENYANYI** Aina Abdul mengaku terkilan apabila kemenangannya sebagai naib juara AJL 35 melalui lagu Semalam tidak dapat diraikan dengan para peminat.

Bagi Aina atau nama sebenarnya **Nurul Aina binti Abdul Ghani, 27**, selain keluarga, para peminat adalah sumber kekuatan dirinya. Aina juga berharap pandemik COVID-19 segera berakhir memandangkan ia menjadi penghalang buat dirinya dan peminat.

"Apabila memang, sudah tentu saya gembira. Namun, dalam masa yang sama saya rasa sedih dan terkilan apabila saya tidak dapat meraiakkannya dengan peminat.

"Apabila diumumkan menang, dalam fikiran saya rasa kosong sebab saya tidak dapat tengok individu-individu iaitu peminat yang menjadi alasan utama kenapa saya berada di sini.

"Saya di sini hanya berbekalkan doa mereka sahaja. Semoga pandemik ini segera berakhir dan saya dapat raikan kejayaan ini bersama-sama mereka," luah Aina Abdul yang turut gembira dengan kemenangan Ernie Zakri untuk kategori Persembahan Vokal Terbaik.

"Menang atau kalah tidak ada dalam kamus hidup saya. Saya hormat Ernie dan dia adalah rakan baik saya dalam industri. Dia berhak mendapat kemenangan itu dan saya tahu dia bekerja keras dalam apa yang dia lakukan," ujarnya yang turut berterima kasih kepada semua yang telah menyokong lagu Semalam ciptaannya itu.

"Terima kasih kepada pasukan saya yang bertungkus lumus dari awal hingga akhir. Apa yang dipersembahkan di pentas adalah hasil kerja ramai orang. Tanpa mereka, siapalah saya," ujarnya lagi. **WK**



**AINA ABDUL**